

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI**

**NEGERI TERENGGANU
TAHUN 2017**

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	BAHAGIAN I
	PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017
3	Pendahuluan
4	Objektif dan Metodologi Pengauditan
4	Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017
	BAHAGIAN II
	ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
9	Latar Belakang
9	Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri
9	Kumpulan Wang Disatukan
11	Wang Awam
13	Akaun Hasil Disatukan
22	Akaun Pinjaman Disatukan
23	Akaun Amanah Disatukan
34	Penyata Prestasi Kewangan
35	Penyata Akaun Memorandum
44	Rumusan dan Syor Audit
	BAHAGIAN III
	RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI
49	Status Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-11
52	Rumusan

BAHAGIAN IV

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

55	Pendahuluan
55	Pengauditan Penyata Kewangan
55	Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan
56	Pengesahan Penyata Kewangan
57	Pembentangan Penyata Kewangan
57	Prestasi Kewangan
73	Rumusan dan Syor Audit

BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

77	Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri serta Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri
77	Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri

81 PENUTUP

LAMPIRAN

85	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri	I
89	Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri	II
90	Penyata Kedudukan Kewangan	III
91	Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	IV
93	Penyata Prestasi Kewangan	V
94	Penyata Akaun Memorandum	VI
95	Nota Kepada Penyata Kewangan	VII



PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Terengganu Tahun 2017 ini mengandungi laporan mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Analisis Kewangan Kerajaan Negeri, Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri, Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan dan Prestasi Penyata Kewangan Agensi Negeri serta Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.
2. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu akan memperkenalkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Terengganu.
3. Laporan mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2017 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri dan beberapa Jabatan Negeri sepanjang tahun 2017. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2017, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri.
4. Pengauditan dijalankan ialah bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpanduan kepada Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan serta *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 1000.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri Terengganu yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

23 Oktober 2018



INTI SARI LAPORAN

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 telah disahkan. Dokumen sokongan bagi mengesahkan semua angka telah disediakan dengan sewajarnya. Rekod perakaunannya juga diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan tersebut menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2017.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu pada akhir tahun 2017 adalah stabil. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2017 berjumlah RM163.75 juta meningkat sejumlah RM49.65 juta atau 43.5% berbanding RM114.10 juta pada tahun 2016. Pelaburan Kerajaan Negeri berjumlah RM346.07 juta pada tahun 2017 meningkat sejumlah RM114.70 juta atau 49.6% berbanding RM231.37 juta pada tahun 2016. Hasil yang diperoleh pada tahun 2017 berjumlah RM2.07 bilion meningkat sejumlah RM468.09 juta atau 29.2% berbanding RM1.60 bilion pada tahun 2016. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada tahun 2017 berjumlah RM1.90 bilion iaitu meningkat sejumlah RM32.65 juta atau 1.7% berbanding RM1.87 bilion pada tahun 2016. Kerajaan Negeri mencatatkan surplus sejumlah RM173.11 juta pada tahun 2017 berbanding defisit RM262.33 juta pada tahun 2016.

3. Pembayaran di bawah AP58(a) telah meningkat dengan ketara sejumlah RM1.80 juta atau 1,058.8% menjadi RM1.97 juta berbanding RM0.17 juta pada tahun 2016. Akaun Amanah Disatukan menurun sejumlah RM123.46 juta atau 58.9% menjadi RM86.12 juta pada tahun 2017 berbanding RM209.58 juta pada tahun 2016. Defisit Kumpulan Wang Pembangunan meningkat sejumlah RM106.53 juta atau 15.4% menjadi RM796.99 juta pada tahun 2017 berbanding RM690.46 juta pada tahun 2016. Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2017 berjumlah RM256.44 juta iaitu sama dan tidak berubah seperti tahun 2016 disebabkan tiada sebarang bayaran balik kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2017. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM9.72 juta atau 13.6% menjadi RM81.41 juta pada tahun 2017 berbanding RM71.69 juta pada tahun 2016. Hutang Awam Kerajaan Negeri menurun sejumlah RM11.55 juta atau 1.3% menjadi RM906.94 juta pada tahun 2017 berbanding

RM918.49 juta pada tahun 2016. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam meningkat sejumlah RM33.72 juta atau 6.7% menjadi RM536.08 juta pada tahun 2017 berbanding RM502.36 juta pada tahun 2016. Akaun Belum Terima telah meningkat sejumlah RM1.50 juta atau 3.0% menjadi RM51.94 juta pada tahun 2017 berbanding RM50.44 juta pada tahun 2016.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

4. Status prestasi perbelanjaan projek pembangunan Kerajaan Negeri pada tahun 2017 adalah baik kerana sejumlah RM673.97 juta atau 80.1% telah dibelanjakan berbanding RM841.69 juta peruntukan yang diluluskan. Manakala status prestasi pelaksanaan projek pembangunan adalah cemerlang kerana daripada 5,343 projek yang dirancang, sebanyak 4,872 atau 91.2% telah berjaya disiapkan, 434 projek atau 8.1% sedang dilaksanakan dan hanya 37 projek atau 0.7% belum dimulakan.

BAHAGIAN IV - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

5. Secara keseluruhannya, penyerahan dan penyediaan Penyata Kewangan Tahun 2016 pada 31 Julai 2018 bagi lapan (8) Badan Berkanun Negeri (BBN), tujuh (7) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) adalah baik. Semua Penyata Kewangan Tahun 2016 telah disahkan dan 15 Agensi diberi Laporan Ketua Audit Negara Tanpa Teguran dan satu (1) Agensi telah diberikan Laporan Tanpa Teguran (Emphasis of Matters). Laporan Ketua Audit Negara Tanpa Teguran (Emphasis of Matters) telah diberikan kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) kerana terdapat penyata kewangan subsidiari yang tertakluk kepada Penafian Pendapat dan Pendapat Berteguran dalam tahun kewangan semasa. Setakat 31 Julai 2018, semua Penyata Kewangan Tahun 2016 BBN, PBT dan MAIDAM telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Terengganu kecuali Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT).

6. Secara keseluruhannya, berdasarkan penyata kewangan lapan (8) BBN yang belum diaudit, kedudukan kewangan tahun 2017 adalah kurang memuaskan berbanding tahun 2016. Pada tahun 2017, surplus pendapatan terkumpul menurun sejumlah RM58.88 juta atau 1.8% manakala aset semasa bersih yang berjumlah RM894.61 juta menunjukkan penurunan yang ketara sejumlah RM223.52 juta atau 20% berbanding tahun 2016. Jumlah liabiliti pula mencatatkan peningkatan sejumlah RM94.10 juta atau 15.9% berbanding tahun sebelumnya. Pada 31 Disember 2017, sebanyak 12 daripada 16 anak syarikat yang aktif di bawah empat (4) BBN mempunyai keuntungan terkumpul secara keseluruhannya yang berjumlah RM107.58 juta manakala empat (4) anak syarikat mempunyai kerugian terkumpul secara keseluruhannya

berjumlah RM21.54 juta. Pada keseluruhannya, PBT mencatatkan surplus sejumlah RM0.57 juta pada tahun 2017. Tunggakan cukai taksiran meningkat sejumlah RM6.21 juta atau 8.2% daripada sejumlah RM76.04 juta pada tahun 2016 menjadi sejumlah RM82.25 juta pada tahun 2017.

BAHAGIAN V - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

7. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2016 Siri 1 dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 11 Disember 2017. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2016 Siri 2 dan mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Terengganu Tahun 2016 telah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 3 Julai 2018. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali pada tahun 2017, untuk membincangkan isu-isu yang berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara yang terkini dan memastikan syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua Jabatan dan Agensi Negeri.

BAHAGIAN I
PENGESAHAN PENYATA
KEWANGAN KERAJAAN
NEGERI TERENGGANU
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2017

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957, menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9, Akta Audit 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 kepada Jabatan Audit Negara pada **1 Februari 2018**. Penyata ini melaporkan semua urusan niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2017 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Laporan Bendahari menerangkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri yang memberi ringkasan urusan niaga kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

1.4. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang digunakan oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.5. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan aliran masuk dan aliran keluar tunai dan kesetaraan tunai pada tahun 2017. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, penerimaan modal dan penerimaan lain seperti terimaan amanah. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, bayaran balik pinjaman dan bayaran lain seperti bayaran amanah.

1.6. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kekurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta

sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.7. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Manakala tanggungan Kerajaan Negeri pula adalah Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Hutang Kerajaan Negeri adalah bagi maksud Rancangan Bekalan Air, Perumahan Awam Kos Rendah, Ladang Awam, Pembangunan Kawasan Perindustrian dan Pelbagai Projek.

1.8. Nota Kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kewangan dan juga maklumat tambahan seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh penyata kedudukan kewangan dan angka perbandingan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2017. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri Terengganu dan Jabatan Negeri melalui surat Pemerhatian Audit sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan.

2.3. Selain itu, *Exit Conference* yang dipengerusikan oleh YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri telah diadakan pada 24 Mei 2018.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

3.1. Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berasaskan piawaian pengauditan yang diluluskan serta *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 1000. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian penyata kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 2017 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan 2. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu secara keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2017, juga membuat analisis mengikut prinsip asas perakaunan tunai ubah suai terhadap data kewangan bagi menentukan tahap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri. Analisis Audit dijalankan terhadap Penyata Kedudukan Kewangan; Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai; Penyata Prestasi Kewangan; Penyata Akaun Memorandum; Nota Kepada Penyata Kewangan serta maklumat kewangan yang berkaitan.

4.1. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

4.2. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.2.1. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada tiga (3) akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan pada akhir tahun 2017, Kumpulan Wang Disatukan adalah berjumlah RM163.75 juta iaitu meningkat sejumlah RM49.65 juta atau 43.5% berbanding RM114.10 juta pada tahun 2016. Jumlah ini terdiri daripada aset berbentuk wang tunai dan pelaburan yang masing-masingnya berjumlah RM162.45 juta dan RM1.30 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.1**.

JADUAL 4.1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Akaun Hasil Disatukan	77.63	-95.48	173.11	181.3
Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	86.12	209.58	-123.46	-58.9
i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:				
• Kumpulan Wang Pembangunan	-796.99	-690.46	-106.53	-15.4
• Kumpulan Wang Bekalan Air	71.36	72.86	-1.50	-2.1
• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	381.28	379.58	1.70	0.4

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
ii. Kumpulan Wang Amanah Awam	157.20	174.36	-17.16	-9.8
iii. Akaun Wang Deposit	273.27	273.24	0.03	0.01
JUMLAH	163.75	114.10	49.65	43.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

4.2.2. Analisis Audit menunjukkan Kumpulan Wang Disatukan meningkat sejumlah RM49.65 juta atau 43.5% kepada RM163.75 juta berbanding RM114.10 juta pada tahun 2016. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM173.11 juta atau 181.3% iaitu daripada defisit RM95.48 juta pada tahun 2016 kepada baki surplus RM77.63 juta pada tahun 2017.


4.2.3. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.2** dan **Carta 4.1**.

JADUAL 4.2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Akaun Hasil Disatukan	461.50	303.53	166.85	-95.48	77.63
Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	298.46	334.71	71.01	209.58	86.12
i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:					
• Kumpulan Wang Pembangunan	-630.63	-574.16	-696.94	-690.46	-796.99
• Kumpulan Wang Bekalan Air	93.06	81.14	76.32	72.86	71.36
• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	211.15	515.97	396.38	379.58	381.28
ii. Kumpulan Wang Amanah Awam	320.24	69.60	69.66	174.36	157.20
iii. Akaun Wang Deposit	304.64	242.16	225.59	273.24	273.27
JUMLAH	759.96	638.24	237.86	114.10	163.75

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

CARTA 4.1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

4.3. WANG AWAM

4.3.1. Wang Tunai

4.3.1.1. Wang Tunai merupakan sebahagian daripada komponen yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai aset Kerajaan Negeri yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank adalah terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan yang diluluskan. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang belum dibankkan serta wang tunai yang belum diambil kira dalam buku tunai. Wang Tunai Dalam Tangan adalah Panjar Wang Runcit yang diluluskan kepada pemegang panjar. Kedudukan baki Wang Tunai pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.3**.

JADUAL 4.3
KEDUDUKAN BAKI WANG TUNAI PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	162.35	12.70	149.65	1,178.3
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.00	0.00	0.00	0.0
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.10	0.10	0.00	0.0
JUMLAH		162.45	12.80	149.65	1,169.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

4.3.1.2. Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai bagi tahun 2017 dan 2016 menunjukkan peningkatan yang ketara berjumlah RM149.65 juta (1,169.1%) menjadi RM162.45 juta berbanding RM12.80 juta pada tahun 2016. Pada tahun 2017, Wang Tunai Dalam Bank meningkat dengan ketara sejumlah RM149.65 juta (1,178.3%) menjadi RM162.35 juta berbanding RM12.70 juta pada tahun 2016. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh lebih hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2017.


4.3.1.3. Kedudukan baki Wang Tunai bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.4** dan **Carta 4.2**.

JADUAL 4.4
KEDUDUKAN BAKI WANG TUNAI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	559.61	187.88	136.50	12.70	162.35
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.00	0.02	0.00	0.00	0.00
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.05	0.05	0.06	0.10	0.10
JUMLAH		559.66	187.95	136.56	12.80	162.45

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

CARTA 4.2
KEDUDUKAN BAKI WANG TUNAI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

4.3.2. Pelaburan

4.3.2.1. Mengikut Seksyen 8(3)(b), Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan Negeri dibenarkan melabur dalam deposit di institusi kewangan yang diluluskan dan pelaburan lain yang dibenarkan sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah selaras dengan Arahan Amanah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 serta peraturan yang berkuat kuasa. Manakala, Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan.


4.3.2.2. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri telah membuat pelaburan dalam bentuk simpanan tetap berjumlah RM1.30 juta yang terdiri daripada Pelaburan Am berjumlah RM1.0 juta dan Pelaburan Kumpulan Wang Amanah berjumlah RM0.30 juta. Pelaburan Kerajaan Negeri pada tahun 2017 menurun dengan ketara sejumlah RM100.0 juta atau 98.7% berbanding RM101.30 juta pada tahun 2016. Pelaburan ini menurun disebabkan sejumlah RM50.0 juta pelaburan di Bank Islam Malaysia Berhad dan sejumlah RM50.0 juta pelaburan di Malaysia Buliding Society Berhad (MBSB) telah dicairkan bagi menampung kedudukan aliran tunai Kerajaan Negeri. Jumlah dividen yang diperolehi dalam tahun 2017 adalah berjumlah RM6.34 juta berbanding RM8.55 juta pada tahun 2016. Trend pelaburan bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.5** dan **Carta 4.3**.

JADUAL 4.5
TREND PELABURAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Pelaburan Am	200.00	450.00	101.00	101.00	1.00
Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	0.30	0.30	0.30	0.30	0.30
JUMLAH	200.30	450.30	101.30	101.30	1.30

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

CARTA 4.3
TREND PELABURAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

4.4. AKAUN HASIL DISATUKAN

- Akaun Hasil Disatukan merupakan penyata yang menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi satu tahun kewangan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.
- Kerajaan Negeri mengakhiri tahun kewangan 2017 dengan surplus semasa berjumlah RM173.11 juta berbanding defisit berjumlah RM262.33 juta pada tahun 2016 iaitu meningkat sejumlah RM435.44 juta atau 165.9%. Surplus ini disebabkan hasil Kerajaan Negeri berjumlah RM2.07 bilion melebihi perbelanjaan mengurus yang berjumlah RM1.90 bilion. Dengan surplus semasa dalam Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2017 menjadikan baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan meningkat kepada surplus RM77.63 juta berbanding defisit RM95.48 juta pada tahun 2016. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.6**.

JADUAL 4.6
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-95.48	166.85	-262.33	-157.2
Hasil	2,072.86	1,604.77	468.09	29.2
Perbelanjaan Mengurus	1,899.75	1,867.10	32.65	1.7
Surplus/Defisit Bagi Tahun	173.11	-262.33	435.44	165.9
BAKI PADA 31 DISEMBER	77.63	-95.48	173.11	181.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016


- c. Trend Akaun Hasil Disatukan bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.7** dan **Carta 4.4**.

JADUAL 4.7
TREND AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	59.93	461.50	303.53	166.85	-95.48
Hasil	2,878.76	2,585.25	2,214.83	1,604.77	2,072.86
Perbelanjaan Mengurus	2,477.19	2,743.22	2,351.51	1,867.10	1,899.75
Surplus/Defisit	401.57	-157.97	-136.68	-262.33	173.11
BAKI PADA 31 DISEMBER	461.50	303.53	166.85	-95.48	77.63

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

CARTA 4.4
TREND AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

- d. Analisis Audit terhadap pencapaian penerimaan hasil berbanding perbelanjaan mengurus bagi tahun 2013 hingga 2017 mendapati Akaun Hasil Disatukan mengalami penurunan setiap tahun sehingga tahun 2016. Pada tahun 2016, Akaun Hasil Disatukan mencatatkan defisit semasa yang paling tinggi dalam tempoh lima (5) tahun iaitu sejumlah RM262.33 juta. Pada tahun 2017, Akaun Hasil Disatukan kembali meningkat kepada surplus semasa berjumlah RM173.11 juta menjadikan baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan meningkat kepada RM77.63 juta.

4.4.1 Hasil

Hasil Kerajaan Negeri dikategorikan kepada tiga (3) jenis iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada keseluruhannya, hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2017 adalah meningkat berbanding tahun 2016.

4.4.1.1. Kutipan Hasil Sebenar Berbanding Anggaran yang Diluluskan

Pada tahun 2017, kutipan hasil sebenar Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM2.07 bilion iaitu RM375.86 juta atau 22.1% lebih tinggi berbanding anggaran yang berjumlah RM1.70 bilion. Kutipan hasil sebenar pada tahun 2017 berbanding anggaran yang diluluskan adalah seperti **Jadual 4.8**.

JADUAL 4.8
KUTIPAN HASIL SEBENAR PADA TAHUN 2017
BERBANDING ANGGARAN YANG DILULUSKAN

BUTIRAN HASIL	ANGGARAN DILULUSKAN (RM Juta)	HASIL SEBENAR (RM Juta)	VARIAN	
			(RM Juta)	(%)
Hasil Cukai	58.73	57.46	-1.27	-2.2
Hasil Bukan Cukai	202.40	188.58	-13.82	-6.8
Terimaan Bukan Hasil	1,435.87	1,826.82	390.95	27.2
JUMLAH	1,697.00	2,072.86	375.86	22.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017

4.4.1.2. Kutipan Hasil Pada Tahun 2017 Berbanding 2016

- a. Pada tahun 2017, hasil Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM468.09 juta atau 29.2% menjadi RM2.07 bilion berbanding RM1.60 bilion pada tahun 2016. Kutipan hasil pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.9**.

JADUAL 4.9
KUTIPAN HASIL PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN HASIL	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Hasil Cukai	57.46	59.16	-1.70	-2.9
Hasil Bukan Cukai	188.58	145.86	42.72	29.3
Terimaan Bukan Hasil	1,826.82	1,399.75	427.07	30.5
JUMLAH	2,072.86	1,604.77	468.09	29.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

- b. Analisis Audit menunjukkan peningkatan Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil menyumbang kepada peningkatan hasil secara keseluruhan walaupun Hasil Cukai mengalami penurunan. Butiran Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil yang menyumbang kepada peningkatan hasil pada tahun 2017 adalah Premium Tanah Biasa – Borang 5a dan Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas) yang masing-masing meningkat sejumlah RM33.43 juta dan RM391.0 juta berbanding tahun 2016.

4.4.1.3. Prestasi Kutipan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017


- a. Prestasi kutipan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.10** dan **Carta 4.5**.

JADUAL 4.10
PRESTASI KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BUTIRAN HASIL	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Hasil Cukai	48.84	51.93	51.65	59.16	57.46
Hasil Bukan Cukai	219.28	174.39	210.53	145.86	188.58
Terimaan Bukan Hasil	2,610.64	2,358.93	1,952.65	1,399.75	1,826.82
JUMLAH	2,878.76	2,585.25	2,214.83	1,604.77	2,072.86

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

CARTA 4.5
PRESTASI KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

- b. Berdasarkan **Jadual 4.10** dan **Carta 4.5**, prestasi kutipan hasil Kerajaan Negeri mencatatkan penurunan setiap tahun dari tahun 2013 hingga tahun 2016. Pada tahun 2017, hasil Kerajaan Negeri kembali meningkat dan berjaya mencatatkan surplus semasa dalam Akaun Hasil Disatukan. Penurunan dan peningkatan kutipan hasil Kerajaan Negeri dipengaruhi oleh Terimaan Bukan Hasil yang merupakan penyumbang hasil terbesar.

Terimaan Bukan Hasil mencatatkan penurunan dari tahun 2013 hingga 2016 dan kembali meningkat pada tahun 2017. Peningkatan Terimaan Bukan Hasil yang ketara adalah Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas). Pada tahun 2017, Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas) meningkat sejumlah RM391.0 juta kepada RM1.44 bilion berbanding RM1.05 bilion pada tahun 2016.

4.4.1.4. Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri

Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri terdiri daripada Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas), Tunggakan Dana Khas Kerajaan Persekutuan, Premium Tanah Biasa – Borang 5a, Pemberian 50% Perbelanjaan Mengurus Jabatan di Bawah Senarai Bersama dan Terimaan Daripada Agensi Kerajaan yang Lain. Kelima-lima hasil ini menyumbang sejumlah RM1.84 bilion atau 88.9% daripada keseluruhan hasil dalam tahun 2017 berbanding kutipan RM1.39 bilion atau 86.7% dalam tahun 2016 seperti **Jadual 4.11**. Terimaan Dana Khas yang berjumlah RM1.44 bilion pula telah menyumbang 69.5% daripada keseluruhan hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2017. Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.12** dan Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas) merupakan penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh tersebut.

JADUAL 4.11
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2017 DAN 2016

BIL.	BUTIRAN HASIL	2017		2016	
		JUMLAH HASIL (RM Juta)	PERATUS BERBANDING JUMLAH HASIL KESELURUHAN (%)	JUMLAH HASIL (RM Juta)	PERATUS BERBANDING JUMLAH HASIL KESELURUHAN (%)
1.	Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas)	1,441.00	69.5	1,050.00	65.4
2.	Tunggakan Dana Khas Kerajaan Persekutuan	220.00	10.6	220.00	13.7
3.	Premium Tanah Biasa - Borang 5a	88.30	4.3	54.88	3.4
4.	Pemberian 50% Perbelanjaan Mengurus Jabatan di Bawah Senarai Bersama	47.77	2.3	50.57	3.2
5.	Terimaan Daripada Agensi Kerajaan yang Lain	44.94	2.2	16.06	1.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

JADUAL 4.12
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	BUTIRAN HASIL	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas)	2,340.00	2,220.00	1,550.00	1,050.00	1,441.00
2.	Tunggakan Dana Khas Kerajaan Persekutuan*	-	-	220.00	220.00	220.00
3.	Premium Tanah Biasa - Borang 5a	98.31	58.04	71.84	54.88	88.30
4.	Pemberian 50% Perbelanjaan Mengurus Jabatan di Bawah Senarai Bersama	41.57	47.29	50.59	50.57	47.77
5.	Terimaan Daripada Agensi Kerajaan yang Lain	127.41	20.67	60.93	16.06	44.94

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

*Nota: Tunggakan bagi tahun 2013 dan 2014 telah diambil kira dalam Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas) tahun berkenaan

4.4.1.5. Analisis Audit mendapati justifikasi peningkatan dan penurunan hasil yang ketara pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.13**.

JADUAL 4.13
JUSTIFIKASI PENINGKATAN DAN PENURUNAN HASIL
YANG KETARA PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	BUTIRAN HASIL	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN/ PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
PENINGKATAN						
1.	Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas)	1,441.00	1,050.00	391.00	37.2	Jumlah Terimaan Dana Khas daripada Kerajaan Persekutuan yang lebih tinggi berbanding tahun 2016 berikutan peningkatan harga minyak dunia.
2.	Premium Tanah Biasa – Borang 5a	88.30	54.88	33.42	60.9	Terimaan bayaran premium tanah daripada Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) sejumlah RM61.10 juta pada tahun 2017 serta peningkatan kelulusan dan nilai tanah daripada Pihak Berkuasa Negeri.
3.	Terimaan Daripada Agensi Kerajaan yang Lain	44.94	16.06	28.88	179.8	Terimaan hasil daripada Kementerian Kewangan bagi melaksanakan projek bekalan air negeri Terengganu berjumlah RM32.0 juta serta bayaran balik pembiayaan pinjaman komputer dan kenderaan daripada UniSZA sejumlah RM1.27 juta.
PENURUNAN						
4.	Royalti Air	13.19	19.62	-6.43	-32.8	Penurunan disebabkan tiada terimaan pendahuluan Royalti dan Fi Takungan Air bagi Skim Hidroelektrik Hulu Terengganu (SHHT) daripada Tenaga Nasional Berhad pada tahun 2017 dan pengurangan pengambilan isipadu air mentah oleh Syarikat Bekalan Air Kerteh Integrated Petrochemical Complex Sdn. Bhd. (BAKIPC).
5.	Terimaan Balik Bayaran Tahun-Tahun Lalu	1.95	4.98	-3.03	-60.8	Tiada terimaan balik bayaran seperti bayaran balik Dana Bakti Remaja dan Bantuan Perayaan Aidilfitri pada tahun 2017 berbanding sejumlah RM2.36 juta diterima pada tahun 2016.
6.	Pemberian 50% Belanja Mengurus Jabatan di Bawah Senarai Bersama	47.77	50.57	-2.80	-5.5	Penurunan jumlah perbelanjaan mengurus 5 Jabatan (Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Majlis Sukan Negeri dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa) pada tahun 2016.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

4.4.2. Perbelanjaan Mengurus

4.4.2.1. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan. Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dibuat mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan seperti bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan perbelanjaan hutang negeri. Manakala Perbelanjaan Bekalan adalah berdasarkan kelulusan Dewan

Undangan Negeri selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan seperti bayaran emolumen dan bayaran bagi perolehan barangan atau perkhidmatan termasuk bayaran pindahan ke Kumpulan Wang tertentu. Maksud Bekalan juga termasuk wang yang diperuntukkan kepada Badan-badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan melalui pemberian atau pinjaman yang dianggap sebagai perbelanjaan.

4.4.2.2. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada tahun 2017 adalah berjumlah RM1.90 bilion iaitu 96.6% berbanding anggaran yang diluluskan yang berjumlah RM1.97 bilion. Perbelanjaan sebenar berbanding anggaran yang diluluskan adalah seperti **Jadual 4.14**.

JADUAL 4.14
PERBELANJAAN SEBENAR PADA
TAHUN 2017 BERBANDING ANGGARAN YANG DILULUSKAN

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	ANGGARAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PERATUS (%)
1.	Emolumen	299.43	275.81	92.1
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	203.43	192.28	94.5
3.	Aset	9.94	8.45	84.9
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1,453.89	1,422.90	97.9
5.	Perbelanjaan Lain	0.31	0.31	100.0
JUMLAH		1,967.00	1,899.75	96.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017

4.4.2.3. Secara keseluruhannya perbelanjaan mengurus pada tahun 2017 meningkat sejumlah RM32.65 juta (1.7%) kepada RM1.90 bilion berbanding RM1.87 bilion pada tahun 2016. Perbelanjaan mengurus pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.15**.

JADUAL 4.15
PERBELANJAAN MENGURUS PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	275.81	277.33	-1.52	-0.5
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	192.28	184.54	7.74	4.2
3.	Aset	8.45	10.32	-1.87	-18.1
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1,422.90	1,394.71	28.19	2.0
5.	Perbelanjaan Lain	0.31	0.20	0.11	55.0
JUMLAH		1,899.75	1,867.10	32.65	1.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

4.4.2.4. Analisis Audit menunjukkan peningkatan perbelanjaan mengurus sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan di bawah kategori Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap yang meningkat sejumlah RM28.19 juta pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. Pada tahun

2017, Pindahan Lebih Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan menurun sejumlah RM53.30 juta kepada RM566.70 juta berbanding RM620.0 juta pada tahun 2016. Penurunan Pindahan Lebih Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan bagaimanapun tidak mempengaruhi perbelanjaan di bawah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Analisis Audit mendapati peningkatan perbelanjaan bagi maksud ini dipengaruhi oleh peningkatan perbelanjaan di bawah Tuntutan Insuran dan Pampasan yang meningkat dengan ketara sejumlah RM26.22 juta pada tahun 2017. Perbelanjaan bagi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap merupakan perbelanjaan tertinggi pada tahun 2017 iaitu berjumlah RM1.42 bilion atau 74.9% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus.

4.4.2.5. Justifikasi peningkatan dan penurunan perbelanjaan yang ketara pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.16**.

JADUAL 4.16
JUSTIFIKASI PENINGKATAN DAN PENURUNAN
PERBELANJAAN YANG KETARA PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

PERBELANJAAN YANG KETARA PADA TAHUN 2017 BERDIBANDING 2016						
BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN/ PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
PENINGKATAN						
1.	Tuntutan Insuran dan Pampasan	37.17	10.94	26.23	239.8	Bayaran tuntutan mahkamah telah dibuat kepada POCSTI Sdn. Bhd. sebanyak RM35.0 juta di bawah vot mengurus pada tahun 2017.
2.	Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain yang Dibeli dan Hospitaliti	95.71	89.14	6.57	7.4	Kod gaji semua pekerja sementara/ kontrak yang dibayar di bawah kod objek 11000, 12000 dan 13000 pada tahun 2016 ditukar kembali kepada kod objek 29000.
PENURUNAN						
3.	Elaun Tetap	62.76	65.61*	-2.85	-4.3	Pertukaran dan persaraan kakitangan Kerajaan Negeri serta kod gaji semua pekerja sementara/kontrak dibayar di bawah kod objek 29000 pada tahun 2017.
4.	Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	15.06	17.13	-2.07	-12.1	Pejabat Perbendaharaan Negeri mengawal dan menghadkan perbelanjaan jabatan selaras dengan bajet negeri Terengganu tahun 2016 iaitu perbelanjaan secara berhemah dengan menghadkan segala latihan, kursus dan bengkel di dalam daerah dan negeri Terengganu serta semua aktiviti dan kursus di luar dikurangkan.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

*Nota: Jumlah Perbelanjaan Elaun Tetap pada tahun 2016 dinyatakan semula kerana mengambil kira jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus termasuk tanggungan


4.4.2.6. Kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.17** dan **Carta 4.6**.

JADUAL 4.17
KEDUDUKAN PERBELANJAAN MENGURUS
KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Emolumen	246.46	243.10	255.17	277.33	275.81
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	173.59	192.35	210.97	184.54	192.28
3.	Aset	22.90	30.11	30.70	10.32	8.45
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	2,030.55	2,275.52	1,753.17	1,394.71	1,422.90
5.	Perbelanjaan Lain	3.69	2.14	101.50	0.20	0.31
JUMLAH		2,477.19	2,743.22	2,351.51	1,867.10	1,899.75

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

CARTA 4.6
KEDUDUKAN PERBELANJAAN MENGURUS
KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

4.4.2.7. Analisis Audit mendapati perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri menunjukkan trend naik turun dari tahun 2013 hingga 2016 dan kembali meningkat pada tahun 2017. Trend peningkatan dan penurunan ini dipengaruhi oleh trend perbelanjaan bagi maksud Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Perbelanjaan tertinggi di bawah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap antaranya adalah seperti Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM566.70 juta, Caruman kepada Yayasan Terengganu sejumlah RM97.32 juta, Bantuan Perayaan Aidilfitri dan Dana Bakti Remaja sejumlah RM93.73 juta, Caruman kepada Yayasan Islam Terengganu sejumlah RM35.25 juta dan Caruman kepada Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) sejumlah RM22.25 juta.

4.4.2.8. Bayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

Arahan Perbendaharaan 58(a) [AP58(a)] memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat Kementerian/Jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Semakan Audit terhadap bayaran di bawah AP58(a) mendapati bayaran berjumlah RM1.97 juta telah dibuat pada tahun 2017 iaitu meningkat dengan ketara sejumlah RM1.80 juta atau 1,058.8% berbanding RM0.17 juta pada tahun 2016. Peningkatan ketara ini adalah disebabkan tiada tempoh Akaun Kena Bayar (AKB) pada tahun 2016 menyebabkan kesemua bayaran yang tidak sempat dibayar pada tahun 2016 dibayar pada tahun 2017 di bawah AP58(a). Senarai Jabatan/Pejabat yang membuat pembayaran di bawah AP58(a) pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.18**. Pembayaran di bawah AP58(a) bagi Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu adalah yang tertinggi iaitu sejumlah RM1.76 juta atau 89.3% daripada keseluruhan jumlah bayaran AP58(a) pada tahun 2017. Kelewatan menerima bil dan tuntutan dari pembekal merupakan punca utama pembayaran di bawah AP58(a).

JADUAL 4.18
SENARAI JABATAN/PEJABAT YANG MEMBUAT PEMBAYARAN
DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN 58(A) PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	JABATAN/ PEJABAT	2017		2016		PERUBAHAN	
		BIL. BAUCAR BAYAR	JUMLAH (RM Juta)	BIL. BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	172	1.76	35	0.10	1.66	1,660.0
2.	Pejabat Dewan Undangan Negeri	42	0.06	0	0.00	0.06	100.0
3.	Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri	22	0.03	13	0.01	0.02	200.0
4.	Jabatan Pertanian Negeri	15	0.03	0	0.00	0.03	100.0
5.	Jabatan/Pejabat Lain*	106	0.09	10	0.06	0.03	50.0
JUMLAH		357	1.97	58	0.17	1.80	1,058.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016


*Nota: Lima (5) Jabatan/Pejabat bagi tahun 2016
20 Jabatan/Pejabat bagi tahun 2017

4.5. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

4.5.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan pindahan penerimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air atau kumpulan wang lain yang berkaitan.

4.5.2. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri tidak menerima sebarang pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Ini menjadikan Akaun Pinjaman Disatukan berbaki kosong iaitu sama seperti baki pada tahun 2016 dan tahun sebelumnya. Pinjaman terakhir yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan adalah pada tahun 2013 berjumlah RM22.93 juta bagi membiayai projek bekalan air.

4.5.3. Trend terimaan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Carta 4.7**.



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

4.6. AKAUN AMANAH DISATUKAN

- a. Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Pada akhir tahun 2017, baki Akaun Amanah Disatukan adalah berjumlah RM86.12 juta iaitu menurun sejumlah RM123.46 juta atau 58.9% berbanding RM209.58 juta pada tahun 2016. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.19**.

JADUAL 4.19
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

REKODAN AKAUN AMANAH DISATUKAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016				
BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:				
i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	-344.35	-238.02	-106.33	-44.7
• Kumpulan Wang Pembangunan	-796.99	-690.46	-106.53	-15.4

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
• Kumpulan Wang Bekalan Air	71.36	72.86	-1.50	-2.1
• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	381.28	379.58	1.70	0.4
ii. Kumpulan Wang Amanah Awam	157.20	174.36	-17.16	-9.8
iii. Akaun Wang Deposit	273.27	273.24	0.03	0.01
BAKI PADA 31 DISEMBER	86.12	209.58	-123.46	-58.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

- b. Analisis Audit menunjukkan penurunan baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2017 dipengaruhi oleh penurunan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Awam yang menurun masing-masing sejumlah RM106.33 juta dan RM17.16 juta pada tahun 2017. Penurunan Kumpulan Wang Amanah ini adalah disebabkan oleh penurunan baki Kumpulan Wang Pembangunan dan Akaun Amanah Dana Khas yang menurun masing-masing sejumlah RM106.53 juta dan RM37.44 juta pada tahun 2017.

4.6.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

- a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu. Kumpulan Wang Amanah ini adalah kumpulan wang pusingan yang mana pembayaran daripada kumpulan wang ini tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Kumpulan Wang Amanah ini disenaraikan dalam Akta Tatacara Kewangan 1957 (Jadual Kedua dan Jadual Ketiga) yang terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.
- b. Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2017 adalah berbaki defisit RM344.35 juta berbanding defisit RM238.02 juta pada tahun 2016 iaitu menurun sejumlah RM106.33 juta atau 44.7%. Penurunan ini disebabkan oleh Kumpulan Wang Pembangunan yang mencatatkan defisit sejumlah RM106.53 juta pada tahun 2017.

4.6.1.1. Kumpulan Wang Pembangunan

- a. Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406) dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini diperoleh melalui caruman daripada Akaun Hasil Disatukan, Terimaan Pemberian dan Pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan serta Terimaan Bayaran Balik Pinjaman daripada Agensi Kerajaan Negeri. Wang dalam Kumpulan Wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud yang ditentukan dalam Akta tersebut. Kedudukan baki Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.20**.

JADUAL 4.20
KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG
PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-690.46	-696.94	6.48	0.9
Penerimaan	566.70	626.00	-59.3	-9.5
Pembayaran	673.23	619.52	53.71	8.7
Surplus/Defisit Semasa	-106.53	6.48	-113.01	-1,744.0
BAKI PADA 31 DISEMBER	-796.99	-690.46	-106.53	-15.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

- b. Pada tahun 2017, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan defisit berjumlah RM106.53 juta berbanding surplus RM6.48 juta pada tahun 2016. Defisit ini adalah disebabkan oleh pembayaran berjumlah RM673.23 juta melebihi penerimaan berjumlah RM566.70 juta. Ini menjadikan baki defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2016 meningkat sejumlah RM106.53 juta atau 15.4% menjadi RM796.99 juta berbanding RM690.46 juta pada tahun 2016.
- c. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM673.23 juta bagi membiayai pelbagai projek pembangunan berbanding RM619.52 juta pada tahun 2016. Kedudukan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.21**.

JADUAL 4.21
KEDUDUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	607.52	574.75	32.77	5.7
2.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri	41.36	29.74	11.62	39.1
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	4.00	4.00	0.00	0.0
4.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	3.73	1.00	2.73	273.0
5.	Jabatan Kerja Raya Negeri	3.56	5.95	-2.39	-40.2
6.	Pejabat Daerah Besut	2.28	0.60	1.68	280.0
7.	Pejabat Daerah Kemaman	2.00	0.40	1.60	400.0
8.	Pejabat Daerah Kuala Nerus	1.98	0.40	1.58	100.0
9.	Pejabat Daerah Dungun	1.79	0.50	1.29	258.0
10.	Pejabat Daerah Marang	1.28	0.40	0.88	220.0
11.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	1.19	0.40	0.79	197.5
12.	Pejabat Daerah Setiu	0.88	0.30	0.58	193.3
13.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	0.55	0.08	0.47	587.5
14.	Jabatan Perhutanan Negeri	0.41	0.30	0.11	36.7
15.	Jabatan Pertanian Negeri	0.40	0.40	0.00	0.0
16.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	0.30	0.30	0.00	0.0
JUMLAH		673.23	619.52	53.71	8.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

- d. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu sejumlah RM607.52 juta pada tahun 2017 iaitu 90.2% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2017. Perbelanjaan sejumlah RM607.52 juta ini antaranya adalah bagi membiayai perbelanjaan Projek-Projek Khas sejumlah RM94.95 juta, Pembangunan Daerah Kuala Nerus sejumlah RM87.71 juta, Pembangunan Kawasan Bebas Cukai Tasik Kenyir sejumlah RM57.97 juta dan Program Pembasmian Kemiskinan, Pembangunan Kampung dan Masyarakat sejumlah RM44.32 juta. Manakala, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri mencatatkan perbelanjaan kedua tertinggi iaitu sejumlah RM41.36 juta bagi perbelanjaan Pengambilan Balik Tanah.

4.6.1.2. Kumpulan Wang Bekalan Air

- a. Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Bekalan Air (Tatacara Kewangan dan Perakaunan) 1980. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini diperoleh melalui caruman daripada Kerajaan Negeri dan pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan. Baki Kumpulan Wang Bekalan Air pada akhir tahun 2017 adalah berjumlah RM71.36 juta berbanding RM72.86 juta pada tahun 2016 iaitu menurun sejumlah RM1.50 juta. Penurunan sebanyak 2.1% ini adalah disebabkan pembayaran sejumlah RM1.50 juta dan tiada penerimaan pada tahun 2017. Kerajaan Negeri tidak menerima sebarang pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi projek bekalan air pada tahun 2017. Kedudukan Kumpulan Wang Bekalan Air pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.22**.

JADUAL 4.22
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG
BEKALAN AIR PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

PERKARA	TAHUN		PERUBAHAN	
	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	72.86	76.32	-3.46	-4.5
Penerimaan	0.00	0.00	0.00	0.0
Pembayaran	1.50	3.46	-1.96	-56.6
Surplus/Defisit Semasa	-1.50	-3.46	1.96	56.6
BAKI PADA 31 DISEMBER	71.36	72.86	-1.50	-2.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

- b. Antara projek yang dibuat pembayaran pada tahun 2017 adalah Projek Naik Taraf Loji Air Tepus, Dungun berjumlah RM0.42 juta dan Program Mengurangkan Kadar Air Kehilangan Air Tidak Terhasil (NRW) Terengganu berjumlah RM0.27 juta.

4.6.1.3. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

- a. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.23**.

JADUAL 4.23
KEDUDUKAN PELBAGAI KUMPULAN WANG
AMANAH KERAJAAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian	10.56	12.00	-1.44	-12.0
2.	Akaun Perniagaan	0.17	0.17	0.00	0.0
3.	Akaun Pinjaman	63.11	59.93	3.18	5.3
4.	Kumpulan Wang Luar Jangka	5.00	5.00	0.00	0.0
5.	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah	302.44	302.48	-0.04	-0.01
BAKI PADA 31 DISEMBER		381.28	379.58	1.70	0.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

- b. Analisis Audit menunjukkan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2017 adalah berjumlah RM381.28 juta iaitu meningkat sejumlah RM1.70 juta atau 0.4% berbanding RM379.58 juta pada tahun 2016. Pada tahun 2017, Akaun penyelesaian menurun sejumlah RM1.44 juta atau 12.0%, namun penurunan ini tidak mempengaruhi baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan kerana Akaun Pinjaman mencatatkan peningkatan sejumlah RM3.18 juta. Peningkatan Akaun Pinjaman adalah disebabkan oleh penurunan baki boleh tuntutan bagi Pendahuluan Membeli Kenderaan Jabatan yang menurun sejumlah RM2.70 juta.

c. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri

- i. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri diwujudkan bertujuan untuk mengaunkan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan bagi membiayai penyelenggaraan jalan negeri yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya dan Pihak Berkuasa Tempatan. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri telah ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957.
- ii. Pada tahun 2017, baki Kumpulan Wang ini meningkat sedikit sejumlah RM0.01 juta menjadi RM252.49 juta berbanding RM252.48 juta pada tahun 2016. Peningkatan ini disebabkan oleh terimaan berjumlah RM166.60 juta adalah lebih tinggi berbanding perbelanjaan yang berjumlah RM166.59 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah

Penyelenggaraan Jalan Negeri pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.24**.

JADUAL 4.24
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PENYELENGGARAAN JALAN NEGERI PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

PERKARA	TAHUN		PERUBAHAN	
	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	252.48	221.04	31.44	14.2
Terimaan	166.60	161.75	4.85	3.0
Perbelanjaan	166.59	130.31	36.28	27.8
BAKI PADA 31 DISEMBER	252.49	252.48	0.01	0.004

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016


- iii. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.25** dan **Carta 4.8**.

JADUAL 4.25
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PENYELENGGARAAN JALAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

TAHUN	BAKI PADA 1 JANUARI (RM Juta)	TERIMAAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEMASA (RM Juta)	BAKI PADA 31 DISEMBER (RM Juta)	PERBELANJAAN BERBANDING TERIMAAN
					(%)
2013	241.69	138.01	136.54	243.16	98.9
2014	243.16	146.56	150.74	238.98	102.8
2015	238.98	152.59	170.53	221.04	111.8
2016	221.04	161.75	130.31	252.48	80.6
2017	252.48	166.60	166.59	252.49	100.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

CARTA 4.8
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PENYELENGGARAAN JALAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

- iv. Pada tahun 2017, sejumlah RM166.59 juta atau 100.0% telah dibelanjakan daripada jumlah terimaan RM166.60 juta bagi membiayai kerja-kerja penyenggaraan jalan negeri yang dilaksanakan oleh agensi pelaksana. Berdasarkan *Malaysian Road Record Information System* (MARRIS), panjang jalan negeri sehingga 31 Disember 2017 adalah 14,931.55 km iaitu meningkat sebanyak 2,620.21 km berbanding 12,311.34 km pada 31 Disember 2016.

4.6.2. Kumpulan Wang Amanah Awam

- a. Kumpulan Wang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan wang yang diperuntukkan daripada Kerajaan, sumbangan daripada orang awam dan organisasi kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan tertentu. Pengurusan Kumpulan Wang ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri. Baki Kumpulan Wang ini pada akhir tahun 2017 adalah berjumlah RM157.20 juta berbanding RM174.36 juta pada tahun 2016 iaitu menurun sejumlah RM17.16 juta atau 9.8%. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Awam pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.26**.

JADUAL 4.26
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG
AMANAH AWAM PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

PERKARA	TAHUN		PERUBAHAN	
	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	174.36	69.66	104.70	150.3
Penerimaan	65.50	276.97	-211.47	-76.4
Pembayaran	82.66	172.27	-89.61	-52.0
BAKI PADA 31 DISEMBER	157.20	174.36	-17.16	-9.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

- b. Analisis Audit mendapati akaun amanah yang menunjukkan penurunan ketara antaranya adalah Akaun Amanah Dana Khas yang menurun sejumlah RM37.44 juta dan Akaun Amanah Penyelenggaraan Perumahan sejumlah RM6.11 juta. Penurunan Akaun Amanah Dana Khas adalah disebabkan oleh penurunan terimaan pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. Penurunan ini disebabkan Kerajaan Negeri menerima sejumlah RM118.50 juta bagi lebihan penjimatan Projek Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) pada tahun 2016 berbanding tiada terimaan tersebut pada tahun 2017. Manakala Akaun Amanah yang menunjukkan peningkatan ketara antaranya adalah Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya yang meningkat sejumlah RM17.23 juta dan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan sejumlah RM6.76 juta.
- c. Pada tahun 2017, terdapat satu (1) akaun amanah baru yang ditubuhkan iaitu Akaun Amanah Tabung Konservasi Tanah Bencah Setiu berjumlah RM0.83 juta.

Tujuan penubuhan akaun amanah ini adalah bagi memperakaunkan serta menguruskan dana/sumbangan yang diterima daripada agensi kerajaan dan swasta di dalam dan luar negara yang digunakan untuk membiayai pelbagai perbelanjaan bagi tujuan konservasi Tanah Bencah Setiu.

- d. Pada tahun 2017, sebanyak enam (6) akaun amanah seperti **Jadual 4.27** telah ditutup kerana tidak diperlukan lagi dan kesemua baki telah dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan.

JADUAL 4.27
AKAUN AMANAH YANG DITUTUP PADA TAHUN 2017

BIL.	NAMA AKAUN AMANAH	BAKI AKHIR (RM Juta)
1.	Akaun Amanah Pembinaan Muzium Sutera	0.06
2.	Akaun Amanah Tabung TATI	0.15
3.	Akaun Amanah PAKSR Padang Hiliran	0.11
4.	Akaun Amanah Projek Padang Hiliran Fasa 1	0.10
5.	Akaun Amanah Pelaburan	0.25
6.	Akaun Amanah Cukai Tanah Ansuran PTG Maybank2u	0.00
JUMLAH		0.67

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017

4.6.2.1. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan

- a. Kumpulan Wang ini diwujudkan mengikut Seksyen 56, Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313). Tujuan penubuhannya adalah untuk melaksanakan pelbagai projek seperti menyediakan, melaksana dan mengkaji semula rancangan pengurusan hutan negeri. Punca kewangan bagi Kumpulan Wang ini terdiri daripada pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan dan kutipan ses kayu balak.
- b. Pada tahun 2017, Kumpulan Wang ini mencatatkan surplus sejumlah RM6.76 juta disebabkan penerimaan yang berjumlah RM9.94 juta melebihi pembayaran yang berjumlah RM3.18 juta. Surplus ini menjadikan baki terkumpul Kumpulan Wang ini meningkat menjadi RM7.37 juta berbanding RM0.61 juta pada tahun 2016. Baki Kumpulan Wang Pembangunan Hutan bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.28**.

JADUAL 4.28
BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN HUTAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

PERKARA	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	6.56	5.65	4.04	2.98	0.61
Penerimaan	4.87	5.44	3.21	2.92	9.94
Pembayaran	5.78	7.05	4.27	5.29	3.18
Surplus/Defisit	-0.91	-1.61	-1.06	-2.37	6.76
BAKI PADA 31 DISEMBER	5.65	4.04	2.98	0.61	7.37

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 hingga 2017

- c. Analisis Audit mendapati kutipan ses kayu balak pada tahun 2017 telah meningkat sejumlah RM7.02 juta atau 240.4% kepada RM9.94 juta berbanding RM2.92 juta pada tahun 2016. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan pengeluaran kayu balak sebanyak 109,464 meter padu daripada 274,365 meter padu pada tahun 2016 kepada 383,829 meter padu pada tahun 2017. Manakala perbelanjaan Kumpulan Wang pula mencatatkan penurunan sejumlah RM2.11 juta atau 39.9% menjadi RM3.18 juta pada tahun 2017 berbanding RM5.29 juta pada tahun 2016.

4.6.2.2. Akaun Amanah Dana Khas

- a. Akaun Amanah Dana Khas ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957. Tujuan penubuhan akaun ini adalah untuk memperakaunkan wang yang diterima bagi melaksanakan program yang dibiayai di bawah Dana Khas. Penerimaan akaun amanah ini adalah terdiri daripada wang yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan sumbangan orang awam, pihak berkuasa berkanun atau mana-mana entiti yang tidak dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia dan Negeri Terengganu.
- b. Pada tahun 2017, akaun ini berbaki RM103.55 juta iaitu menurun sejumlah RM37.44 juta atau 26.6% berbanding RM140.99 juta pada tahun 2016. Penerimaan pada tahun 2017 berjumlah RM0.49 juta adalah merupakan pelarasan kembali baki amanah dari Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri. Kedudukan Akaun Amanah Dana Khas bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.29**.

JADUAL 4.29
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DANA KHAS BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

PERKARA	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	57.87	47.69	39.37	35.64	140.99
Penerimaan	4.19	4.47	2.97	118.50	0.49
Pembayaran	14.37	12.79	6.70	13.15	37.93
Surplus/Defisit	-10.18	-8.32	-3.73	105.35	-37.44
BAKI PADA 31 DISEMBER	47.69	39.37	35.64	140.99	103.55

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 hingga 2017

- c. Analisis Audit menunjukkan Akaun Amanah ini mencatatkan defisit sejumlah RM37.44 juta pada tahun 2017 berbanding surplus sejumlah RM105.35 juta pada tahun 2016. Pada tahun 2017, penerimaan sejumlah RM0.49 juta adalah lebih rendah berbanding perbelanjaan sejumlah RM37.93 juta. Ini menjadikan baki terkumpul Akaun Amanah Dana Khas pada akhir tahun 2017 berjumlah RM103.55 juta berbanding RM140.99 juta pada tahun 2016. Pada tahun 2017, sejumlah RM37.41 juta telah dibelanjakan bagi Projek

Bina Siap dan Naik Taraf Laluan FT3 Jalan Kuala Terengganu - Kuantan. Selain itu, sejumlah RM0.52 juta telah dibelanjakan bagi tujuan kesihatan.

4.6.3. Akaun Deposit

- a. Deposit merupakan wang yang diterima oleh sesebuah Jabatan bagi maksud tertentu dan perlu dikembalikan setelah selesai maksudnya. Pada akhir tahun 2017, Kerajaan Negeri mempunyai dua (2) jenis deposit iaitu Deposit Am dan Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan yang diselenggarakan oleh 28 Jabatan/Pejabat melalui 71 akaun deposit yang berjumlah RM273.27 juta. Baki akaun deposit pada tahun 2017 meningkat sedikit sejumlah RM0.03 juta atau 0.01% berbanding tahun 2016 yang berjumlah RM273.24 juta. Pada tahun 2017, sebanyak 14 Jabatan/Pejabat mempunyai deposit melebihi RM1.0 juta. Manakala 14 Jabatan/Pejabat lain mempunyai deposit di antara RM3,900 hingga RM0.95 juta yang mana jumlah keseluruhan bagi 14 Jabatan/Pejabat tersebut berjumlah RM3.71 juta. Kedudukan Deposit pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.30**.

JADUAL 4.30
KEDUDUKAN DEPOSIT PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BIL. AKAUN DEPOSIT	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
					(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Tanah Kuala Terengganu	4	67.75	67.80	-0.05	-0.1
2.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri	1	54.29	53.74	0.55	1.0
3.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	5	35.73	40.06	-4.33	-10.8
4.	Jabatan Kerja Raya Negeri	2	31.72	35.39	-3.67	-10.4
5.	Jabatan Perhutanan Negeri	2	26.64	22.15	4.49	20.3
6.	Pejabat Tanah Besut	4	9.63	9.03	0.60	6.6
7.	Pejabat Tanah Dungun	4	9.29	6.37	2.92	45.8
8.	Pejabat Tanah Kuala Nerus	4	9.28	8.76	0.52	5.9
9.	Pejabat Tanah Marang	4	6.19	6.16	0.03	0.5
10.	Pejabat Tanah Kemaman	4	5.24	7.62	-2.38	-31.2
11.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	2	5.02	4.50	0.52	11.6
12.	Pejabat Tanah Hulu Terengganu	4	4.29	4.17	0.12	2.9
13.	Pejabat Tanah Setiu*	4	3.05	3.95	-0.90	-22.8
14.	Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu	2	1.44	0.05	1.39	2,780.0
15.	Jabatan/ Pejabat Lain*	25	3.71	3.49	0.22	6.3
JUMLAH		71	273.27	273.24	0.03	0.01

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

*Nota: - Pejabat Tanah Setiu (Tahun 2016 – Tiga (3) Akaun, Tahun 2017 – Empat (4) Akaun)
- Jabatan/Pejabat Lain (Tahun 2016 – 24 Akaun, 13 Jabatan/Pejabat & Tahun 2017 – 25 Akaun, 14 Jabatan/Pejabat)

- b. Analisis Audit mendapati baki Akaun Deposit bagi 18 Jabatan/Pejabat telah mencatatkan peningkatan manakala 10 Jabatan/Pejabat telah mencatatkan penurunan berbanding tahun 2016. Pejabat Tanah Kuala Terengganu mempunyai deposit paling tinggi iaitu berjumlah RM67.75 juta pada akhir tahun

2017 diikuti dengan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri sejumlah RM54.29 juta dan Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri sejumlah RM35.73 juta. Antara deposit tertinggi yang diterima oleh Pejabat Tanah Kuala Terengganu adalah daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) sejumlah RM62.18 juta serta Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu dan Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri masing-masing sejumlah RM2.35 juta dan RM1.35 juta bagi deposit pengambilan balik tanah.

- c. Jabatan Perhutanan Negeri mencatatkan peningkatan ketara sejumlah RM4.49 juta menjadi RM26.64 juta berbanding RM22.15 juta pada tahun 2016. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan terimaan deposit lesen membalak pada tahun 2017. Manakala Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri mencatatkan penurunan ketara sejumlah RM4.33 juta menjadi RM35.73 juta berbanding RM40.06 juta pada tahun 2016. Penurunan ini adalah disebabkan oleh bayaran balik deposit wang jaminan pelaksanaan telah dibuat kepada pendeposit pada tahun 2017.
- d. Pada tahun 2017, tiga (3) pejabat telah mengambil tindakan pewartaan deposit sejumlah RM1.25 juta iaitu deposit dari tahun 1999 hingga 2012 melibatkan 188 pendeposit seperti **Jadual 4.31**.

JADUAL 4.31
PEJABAT YANG MENGAMBIL TINDAKAN
PEWARTAAN DEPOSIT PADA TAHUN 2017

BIL.	PEJABAT	BIL. AKAUN DEPOSIT	BILANGAN PENDEPOSIT	TEMPOH DEPOSIT DITERIMA	JUMLAH DEPOSIT (RM Juta)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri (Kerajaan Tempatan)	1	7	2006 - 2012	0.40
2.	Pejabat Tanah Hulu Terengganu	2	155	1999 - 2012	0.81
3.	Pejabat Tanah Setiu	1	26	2001 - 2009	0.04
JUMLAH		4	188		1.25

Sumber: Jabatan-jabatan Negeri

- e. Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit, hendaklah diwartakan. Sekiranya deposit berkenaan masih tidak dituntut selepas tiga (3) bulan, ia hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan. **Analisis Audit mendapati sebanyak 58 akaun deposit sejak tahun 1967 hingga 2015 berjumlah RM217.28 juta yang melibatkan 8,312 pendeposit masih tidak dituntut seperti Jadual 4.32. Deposit yang boleh dikembalikan tetapi masih tidak dituntut hendaklah diambil tindakan pewartaan.**

JADUAL 4.32
DEPOSIT TIDAK DITUNTUT BAGI TAHUN 1967 HINGGA 2015

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BIL. AKAUN DEPOSIT	BIL. PENDEPOSIT	TEMPOH DEPOSIT DITERIMA	JUMLAH DEPOSIT (RM Juta)
1.	Pejabat Tanah Kuala Terengganu	4	230	1997-2015	66.08
2.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri	1	198	1999-2015	52.66
3.	Jabatan Perhutanan Negeri	2	1,668	1990-2015	20.55
4.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	4	916	1983-2015	31.92
5.	Jabatan Kerja Raya Negeri	2	2,816	1967-2015	17.21
6.	Pejabat Tanah Marang	4	213	1992-2015	5.94
7.	Pejabat Tanah Kemaman	4	510	1975-2015	4.97
8.	Pejabat Tanah Dungun	4	353	1990-2015	4.56
9.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	2	118	1985-2015	3.87
10.	Pejabat Tanah Setiu	3	116	1996-2015	2.53
11.	Pejabat Tanah Hulu Terengganu	3	254	1984-2015	3.57
12.	Pejabat Tanah Besut	3	67	1988-2015	1.27
13.	Jabatan Bekalan Air	2	47	1999-2014	0.60
14.	Pejabat Daerah Kemaman	3	179	1973-2015	0.40
15.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	1	321	1992-2015	0.34
16.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	2	90	1993-2015	0.31
17.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	2	26	2007-2015	0.16
18.	Pejabat Daerah Setiu	2	9	2007-2015	0.09
19.	Pejabat Daerah Dungun	2	99	1998-2015	0.07
20.	Pejabat Daerah Besut	2	14	2006-2014	0.07
21.	Pejabat Daerah Marang	2	33	2009-2014	0.05
22.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	1	23	1976-2009	0.05
23.	Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri	2	10	2007-2012	0.01
24.	Jabatan Pertanian Negeri	1	2	2013	0.00*
JUMLAH		58	8,312		217.28

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: *RM120

4.7. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

4.7.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebih atau kurang hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Hasil terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Manakala perbelanjaan mengurus terdiri daripada emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaikan bayaran tetap serta perbelanjaan lain. Kedudukan Penyata Prestasi Kewangan pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.33**.

JADUAL 4.33
KEDUDUKAN PENYATA PRESTASI KEWANGAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Hasil	2,072.86	1,604.77	468.09	29.2
(-) Belanja Mengurus	1,333.05	1,247.10	85.95	6.9
(-) Belanja Pembangunan	673.24	619.52	53.72	8.7
LEBIHAN (KURANGAN)/ KESELURUHAN	66.57	-261.85	328.42	125.4
Pinjaman	0.00	0.00	0.00	0.0
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	0.00	6.00	-6.00	-100.0
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	-66.57	255.85	-322.42	-126.0
JUMLAH PEMBIAYAAN	-66.57	261.85	-328.42	-125.40

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2016

4.7.2. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri mencatatkan lebih keseluruhan berjumlah RM66.57 juta berbanding kurang keseluruhan berjumlah RM261.85 juta pada tahun 2016. Lebih ini adalah disebabkan oleh peningkatan hasil sejumlah RM468.09 juta.

4.8. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum adalah penyata yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Memorandum Aset dan Memorandum Liabiliti. Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan Kerajaan Negeri iaitu pinjaman boleh dituntut dan pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus atau pembangunan. Manakala Memorandum Liabiliti pula menunjukkan liabiliti Kerajaan Negeri iaitu hutang awam.

4.8.1. Pinjaman Boleh Dituntut

4.8.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut adalah merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi Negeri dengan menggunakan sumber Kerajaan Negeri atau pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri tidak memberi sebarang pinjaman baru kepada Agensi Negeri.

4.8.1.2. Pada akhir tahun 2017, baki Pinjaman Boleh Dituntut (pokok dan tunggakan faedah) adalah berjumlah RM256.44 juta iaitu sama seperti tahun 2016. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.34**.

JADUAL 4.34
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN
BOLEH DITUNTUT PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	AGENSI/SYARIKAT	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT)	67.97	67.97	0.00	0.0
2.	Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB)	188.47	188.47	0.00	0.0
JUMLAH		256.44	256.44	0.00	0.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2016


4.8.1.3. Pada tahun 2017, **Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT)** dan **Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB)** tidak membuat sebarang bayaran balik kepada Kerajaan Negeri menjadikan baki pinjaman boleh dituntut tidak berubah berbanding tahun 2016. Kedudukan Baki Pinjaman Boleh Dituntut (pokok dan tunggakan faedah) bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.35** dan **Carta 4.9**.

JADUAL 4.35
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	AGENSI/SYARIKAT	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT)	272.41	264.62	260.78	67.97	67.97
2.	Yayasan Islam Terengganu (YIT)	47.70	47.70	0.00	0.00	0.00
3.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT)	2.50	0.00	0.00	0.00	0.00
4.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT)	11.71	0.34	0.00	0.00	0.00
5.	Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB)	0.00	0.00	0.00	188.47	188.47
JUMLAH		334.32	312.66	260.78	256.44	256.44

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

CARTA 4.9
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.8.1.4. Analisis Audit mendapati baki Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan trend menurun bermula dari tahun 2014 hingga 2016. Yayasan Islam Terengganu, Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu menunjukkan penurunan baki pinjaman pada setiap tahun dan dapat diselesaikan sepenuhnya pada tahun 2015. Bagaimanapun, baki pada tahun 2017 tidak menunjukkan sebarang perubahan dan masih sama seperti baki pada tahun 2016.

4.8.1.5. Pada tahun 2017, bayaran balik pinjaman yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM81.41 juta (anuiti tahun semasa sejumlah RM9.72 juta dan tunggakan bayaran balik awal tahun 2017 sejumlah RM71.69 juta). Bagaimanapun, tiada bayaran balik pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2017.

4.8.1.6. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut

Pada akhir tahun 2017, Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut adalah berjumlah RM81.41 juta iaitu meningkat sejumlah RM9.72 juta atau 13.6% berbanding RM71.69 juta pada tahun 2016. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pertambahan anuiti tahun semasa dan tiada bayaran yang dibuat kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2017. Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.36**.

JADUAL 4.36
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN
BOLEH DITUNTUT PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	AGENSI/SYARIKAT	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT)	67.97	67.97	0.00	0.0
2.	Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB)	13.44	3.72	9.72	261.3
JUMLAH		81.41	71.69	9.72	13.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2016

4.8.1.7. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman boleh dituntut (pokok dan faedah) bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.37** dan **Carta 4.10**.


JADUAL 4.37
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
PINJAMAN BOLEH DITUNTUT BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	AGENSI/SYARIKAT	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT)	264.13	259.30	256.53	67.97	67.97
2.	Yayasan Islam Terengganu (YIT)	47.70	47.70	0.00	0.00	0.00
3.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT)	11.22	0.34	0.00	0.00	0.00

BIL.	AGENCI/SYARIKAT	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
4.	Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB)	0.00	0.00	0.00	3.72	13.44
JUMLAH		323.05	307.34	256.53	71.69	81.41

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

CARTA 4.10
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
PINJAMAN BOLEH DITUNTUT BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.8.1.8. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya baki tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan trend menurun sehingga tahun 2016. Kedudukan tunggakan pada tahun 2016 adalah yang terendah dalam tempoh lima (5) tahun. Bagaimanapun, baki tunggakan bayaran balik pada tahun 2017 kembali meningkat sejumlah RM9.72 juta berbanding tahun 2016.

4.8.1.9. Mengikut perjanjian pinjaman antara Kerajaan Negeri dan Agensi, bayaran balik pinjaman hendaklah dibayar mengikut jadual bayaran balik dan diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati sebanyak 15 pinjaman yang sepatutnya telah selesai masih mempunyai baki belum selesai berjumlah RM67.97 juta (pokok dan faedah). Pinjaman ini adalah pinjaman yang diberi kepada PMINT yang mana sepatutnya diselesaikan seawal tahun 1988 dan selewatnya pada tahun 2000. Selain itu, sebanyak 13 pinjaman kepada PMINT berjumlah RM45.75 juta (pokok) yang dikeluarkan antara tahun 1980 hingga 1993 belum pernah dibuat bayaran balik. Faedah tertunggak bagi 13 pinjaman ini adalah berjumlah RM11.23 juta menjadikan baki pinjaman yang perlu dijelaskan berjumlah RM56.98 juta.

4.8.2. Pelaburan

4.8.2.1. Pelaburan yang telah dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan tidak dilaporkan di Penyata Kedudukan Kewangan tetapi ditunjukkan dalam Penyata Akaun Memorandum. Pada akhir tahun 2017, Pelaburan Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM344.77 juta iaitu meningkat dengan ketara sejumlah RM214.70 juta atau 165.1% berbanding RM130.07 juta pada tahun 2016. Pelaburan ini merupakan pelaburan saham tak tersiar harga dalam tujuh (7) syarikat iaitu Terengganu Incorporated Sdn. Bhd., Wawasan Wibawa Sdn. Bhd., Permodalan Terengganu Berhad, Terengganu Advertising Sdn. Bhd., Terengganu Kitchen Sdn. Bhd., Kemaman Furniture Industries Sdn. Bhd. dan Tis' Ata' Ashar Sdn. Bhd.. Peningkatan jumlah pelaburan Kerajaan Negeri pada tahun 2017 adalah disebabkan oleh peningkatan modal saham dalam Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. sejumlah RM50.0 juta dan pertambahan pelaburan Kerajaan Negeri di dalam enam (6) lagi syarikat sejumlah RM164.70 juta.

4.8.2.2. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tahun 2017 dan 2016 adalah seperti **Jadual 4.38**.

JADUAL 4.38
KEDUDUKAN PELABURAN BAGI TAHUN 2017 DAN 2016

BIL.	BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Terengganu Incorporated Sdn. Bhd.	180.07	130.07	50.00	38.4
2.	Wawasan Wibawa Sdn. Bhd.	1.00	0.00	1.00	100.0
3.	Permodalan Terengganu Sdn. Bhd.	150.00	0.00	150.00	100.0
4.	Terengganu Advertising Sdn. Bhd.	0.00*	0.00	0.00*	100.0
5.	Terengganu Kitchen Sdn. Bhd.	0.00**	0.00	0.00**	100.0
6.	Kemaman Furniture Industries Sdn. Bhd.	4.40	0.00	4.40	100.0
7.	Tis' Ata' Ashar Sdn. Bhd.	9.30	0.00	9.30	100.0
JUMLAH		344.77	130.07	214.70	165.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2016

Nota : * - RM3

** - RM2

4.8.2.3. Kesemua pegangan pelaburan ini adalah di atas nama Perbadanan Menteri Besar (MBI) Terengganu. Bagaimanapun, pengesahan telah diperoleh daripada MBI yang menyatakan pelaburan ini adalah bersumber daripada dana Kerajaan Negeri. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri tidak menerima sebarang dividen sama seperti tahun 2016 kerana tidak ada sebarang dividen diterima daripada pelaburan dalam anak syarikat.

4.8.3. Hutang Awam

4.8.3.1. Kerajaan Negeri boleh meminjam daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Pinjaman yang belum dijelaskan merupakan hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan dan dinyatakan sebagai Hutang Awam dalam Penyata Kewangan. Kedudukan Hutang Awam (pokok dan tunggakan faedah) pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.39**.

JADUAL 4.39
KEDUDUKAN HUTANG AWAM PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	BUTIRAN PINJAMAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Bekalan Air	744.17	744.17	0.00	0.0
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	81.70	89.36	-7.66	-8.6
3.	Pembangunan Kawasan Perindustrian	33.73	38.00	-4.27	-11.2
4.	Ladang Awam	42.98	42.98	0.00	0.0
5.	Pelaburan	3.61	3.20	0.41	12.8
6.	Pembangunan Hutan	0.75	0.78	-0.03	-3.8
JUMLAH		906.94	918.49	-11.55	-1.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2016

4.8.3.2. Analisis Audit menunjukkan pada tahun 2016, baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan menurun sejumlah RM11.55 juta (1.3%) menjadi RM906.94 juta berbanding RM918.49 juta pada tahun 2016. Penurunan ini adalah disebabkan oleh bayaran balik hutang oleh Kerajaan Negeri sejumlah RM14.70 juta (pokok dan faedah) serta pertambahan anuiti tahun semasa dan pelarasan mata wang asing sejumlah RM3.15 juta. Bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM14.70 juta adalah bagi menjelaskan pinjaman Perumahan Awam Kos Rendah dan Pembangunan Kawasan Perindustrian. Baki hutang awam pada tahun 2017 adalah yang terendah dalam tempoh lima (5) tahun.


4.8.3.3. Baki hutang awam mengikut rekod Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM906.94 juta manakala baki mengikut rekod Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM882.88 juta iaitu berbeza sejumlah RM24.06 juta. Perbezaan ini adalah merupakan tunggakan faedah yang diambil kira oleh Kerajaan Negeri sebagai baki hutang yang belum dijelaskan sehingga akhir tahun 2017. Kedudukan Hutang Awam (pokok dan tunggakan faedah) bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.40** dan **Carta 4.11**.

JADUAL 4.40
KEDUDUKAN HUTANG AWAM BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	BUTIRAN PINJAMAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Bekalan Air	743.18	742.77	744.17	744.17	744.17
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	105.05	95.25	91.13	89.36	81.70
3.	Pembangunan Kawasan Perindustrian	37.36	37.62	37.84	38.00	33.73
4.	Ladang Awam	77.36	51.58	51.58	42.98	42.98
5.	Pelaburan	26.38	5.32	4.26	3.20	3.61
6.	Pembangunan Hutan	0.83	0.56	1.07	0.78	0.75
JUMLAH		990.16	933.10	930.05	918.49	906.94

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

CARTA 4.11
KEDUDUKAN HUTANG AWAM BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.8.3.4. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya baki Hutang Awam bagi tahun 2013 hingga 2017 menunjukkan trend menurun. Baki Hutang Awam menurun daripada RM990.16 juta pada tahun 2013 kepada RM906.94 juta pada tahun 2017. Penurunan ini disebabkan Kerajaan Negeri telah membuat bayaran balik sejumlah RM160.99 juta (pokok dan faedah) sepanjang tempoh 2013 hingga 2017 berbanding RM22.93 juta pinjaman yang diterima sepanjang tempoh tersebut.

4.8.3.5. Kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.41**.

JADUAL 4.41
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
HUTANG AWAM BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	BUTIRAN PINJAMAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Bekalan Air	303.48	339.45	376.63	414.60	448.94
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	2.45	0.02	3.47	9.55	9.97
3.	Pembangunan Kawasan Perindustrian	30.81	32.28	33.75	35.23	32.31
4.	Ladang Awam	77.36	51.58	51.58	42.98	42.98
5.	Pelaburan	20.00	0.00	0.00	0.00	1.50
6.	Pembangunan Hutan	0.05	0.00	0.00	0.00	0.38
JUMLAH		434.15	423.33	465.43	502.36	536.08

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.8.3.6. Analisis Audit menunjukkan baki tunggakan bayaran balik Hutang Awam menunjukkan trend turun naik. Baki tunggakan bayaran balik Hutang Awam menurun daripada RM434.15 juta pada tahun 2013 kepada RM423.33 juta pada tahun 2014. Bagaimanapun, baki tunggakan bayaran balik Hutang Awam meningkat kepada RM465.43 juta pada tahun 2015 dan terus meningkat kepada RM536.08 juta pada tahun 2017. Baki tunggakan bayaran balik Hutang Awam pada tahun 2017 adalah yang paling tinggi dalam tempoh lima (5) tahun. Baki tunggakan hutang awam telah meningkat sejumlah RM33.72 juta (6.7%) kepada RM536.08 juta pada tahun 2017 berbanding RM502.36 juta pada tahun 2016. Manakala, tunggakan bayaran balik bagi pinjaman bekalan air meningkat setiap tahun dari tahun 2013 hingga tahun 2017.

4.8.3.7. Pada tahun 2017, bayaran balik yang sepatutnya dibuat bagi pinjaman bekalan air adalah berjumlah RM448.94 juta (anuiti tahun semasa sejumlah RM34.34 juta dan tunggakan bayaran balik awal tahun 2017 sejumlah RM414.60 juta). Bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak membuat bayaran balik pinjaman bekalan air pada tahun 2017. Ini menyebabkan tunggakan bayaran balik bagi pinjaman bekalan air meningkat setiap tahun bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2013 hingga 2017.

4.8.3.8. Mengikut perjanjian pinjaman antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, bayaran balik pinjaman hendaklah dibayar mengikut jadual bayaran balik dan diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati sembilan (9) pinjaman di bawah tujuan pinjaman Ladang Awam, Bekalan Air, Pembangunan Kawasan Perindustrian dan Perumahan Awam Kos Rendah yang sepatutnya telah selesai seawal tahun 2007 dan selewatnya pada tahun 2017 masih mempunyai baki belum selesai berjumlah RM152.54 juta terdiri daripada baki pokok sejumlah RM139.86 juta dan tunggakan faedah sejumlah RM12.68 juta. Selain itu, sebanyak 33 pinjaman berjumlah RM309.93 juta yang dikeluarkan antara tahun 1998 hingga 2012 belum pernah dibuat bayaran balik oleh Kerajaan Negeri.

4.9. Akaun Belum Terima

4.9.1. Akaun Belum Terima (ABT) adalah sejumlah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri pada suatu masa tetapi masih belum diterima. Akaun Belum Terima terdiri daripada tunggakan faedah bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut, cukai tanah dan lain-lain hasil. Kedudukan ABT pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.42**.

JADUAL 4.42
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Faedah Pinjaman	14.48	14.48	0.00	0.0
Cukai Tanah	19.56	17.96	1.60	8.9
Lain-lain Hasil	17.90	18.00	-0.10	-0.6
JUMLAH	51.94	50.44	1.50	3.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2016

4.9.2. Analisis Audit mendapati pada akhir tahun 2017, jumlah ABT Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM1.50 juta atau 3.0% menjadi RM51.94 juta berbanding RM50.44 juta pada tahun 2016. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan tunggakan cukai tanah yang meningkat sejumlah RM1.60 juta menjadi RM19.56 juta berbanding RM17.96 juta pada tahun 2016. Peningkatan ini disebabkan oleh kegagalan pemilik tanah menjelaskan tunggakan cukai tanah walaupun terdapat usaha-usaha oleh Pejabat Tanah bagi mengutip tunggakan tersebut.

4.9.3. Kedudukan Akaun Belum Terima bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.43**.

JADUAL 4.43
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Faedah Pinjaman	75.62	74.63	65.37	14.48	14.48
Cukai Tanah	11.31	11.17	15.04	17.96	19.56
Lain-lain Hasil	1.97	0.43	0.45	18.00	17.90
JUMLAH	88.90	86.23	80.86	50.44	51.94

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.9.4. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah ABT menunjukkan trend menurun dari tahun 2013 hingga 2016. Bagaimanapun, pada tahun 2017, jumlah ABT meningkat kepada RM51.94 juta. Tunggakan cukai tanah adalah 37.7% daripada jumlah keseluruhan ABT pada tahun 2017 dan adalah yang tertinggi dalam tempoh lima (5) tahun. Kedudukan tunggakan Cukai Tanah mengikut Pejabat Tanah pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.44**.

JADUAL 4.44
KEDUDUKAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH
MENGIKUT PEJABAT TANAH PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	PEJABAT	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Tanah Kuala Terengganu	1.91	1.89	0.02	1.1
2.	Pejabat Tanah Hulu Terengganu	2.64	2.81	-0.17	-6.0
3.	Pejabat Tanah Kemaman	6.42	5.16	1.26	24.4
4.	Pejabat Tanah Besut	2.15	1.94	0.21	10.8
5.	Pejabat Tanah Marang	1.76	1.58	0.18	11.4
6.	Pejabat Tanah Setiu	1.23	1.25	-0.02	-1.6
7.	Pejabat Tanah Dungun	1.79	1.69	0.10	5.9
8.	Pejabat Tanah Kuala Nerus	1.66	1.64	0.02	1.2
JUMLAH		19.56	17.96	1.60	8.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2016

4.9.5. Analisis Audit mendapati Pejabat Tanah Kemaman mencatatkan peningkatan tunggakan cukai tanah tertinggi pada tahun 2017 iaitu sejumlah RM1.26 juta, manakala dua (2) Pejabat Tanah iaitu Pejabat Tanah Hulu Terengganu dan Pejabat Tanah Setiu masing-masing mencatatkan penurunan sejumlah RM0.17 juta dan RM0.02 juta pada tahun 2017.

4.10. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

4.10.1. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu pada akhir tahun 2017 adalah stabil yang merangkumi:

- i. kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2017 berjumlah RM163.75 juta meningkat sejumlah RM49.65 juta atau 43.5% berbanding RM114.10 juta pada tahun 2016;
- ii. pelaburan Kerajaan Negeri berjumlah RM346.07 juta pada tahun 2017 meningkat sejumlah RM114.70 juta atau 49.6% berbanding RM231.37 juta pada tahun 2016;
- iii. hasil yang diperoleh pada tahun 2017 berjumlah RM2.07 bilion meningkat sejumlah RM468.09 juta atau 29.2% berbanding RM1.60 bilion pada tahun 2016;
- iv. perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada tahun 2017 berjumlah RM1.90 bilion iaitu meningkat sejumlah RM32.65 juta atau 1.7% berbanding RM1.87 bilion pada tahun 2016;
- v. Kerajaan Negeri mencatatkan surplus sejumlah RM173.11 juta pada tahun 2017 berbanding defisit RM262.33 juta pada tahun 2016;

- vi. pembayaran di bawah AP58(a) telah meningkat dengan ketara sejumlah RM1.80 juta atau 1,058.8% menjadi RM1.97 juta berbanding RM0.17 juta pada tahun 2016;
- vii. Akaun Amanah Disatukan menurun sejumlah RM123.46 juta atau 58.9% menjadi RM86.12 juta pada tahun 2017 berbanding RM209.58 juta pada tahun 2016;
- viii. Defisit Kumpulan Wang Pembangunan meningkat sejumlah RM106.53 juta atau 15.4% menjadi RM796.99 juta pada tahun 2017 berbanding RM690.46 juta pada tahun 2016;
- ix. Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2017 berjumlah RM256.44 juta iaitu sama dan tidak berubah seperti tahun 2016 disebabkan tiada sebarang bayaran balik kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2017;
- x. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM9.72 juta atau 13.6% menjadi RM81.41 juta pada tahun 2017 berbanding RM71.69 juta pada tahun 2016.
- xi. Hutang Awam Kerajaan Negeri menurun sejumlah RM11.55 juta atau 1.3% menjadi RM906.94 juta pada tahun 2017 berbanding RM918.49 juta pada tahun 2016;
- xii. tunggakan bayaran balik Hutang Awam meningkat sejumlah RM33.72 juta atau 6.7% menjadi RM536.08 juta pada tahun 2017 berbanding RM502.36 juta pada tahun 2016; dan
- xiii. Akaun Belum Terima telah meningkat sejumlah RM1.50 juta atau 3.0% menjadi RM51.94 juta pada tahun 2017 berbanding RM50.44 juta pada tahun 2016.

4.10.2. Kerajaan Negeri perlu mempertingkatkan dan memperkukuhkan lagi prestasi kewangannya supaya sumber pendapatan yang diperolehi dapat menampung keseluruhan perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta tanggungan semasa. Kerajaan Negeri perlu mengawal perbelanjaan secara lebih berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri. Sehubungan itu, adalah disyorkan:

- i. tindakan berterusan perlu diambil untuk meningkatkan hasil Kerajaan Negeri serta mengutip tunggakan hasil;

- ii. bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut dibuat oleh Agensi/Syarikat Negeri mengikut jadual yang ditetapkan; dan
- iii. hutang kepada Kerajaan Persekutuan dibayar mengikut jadual dan tunggakan bayaran balik perlu diselesaikan.



BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN

KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

5. STATUS PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-11

5.1. Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu untuk tempoh lima (5) tahun bermula pada tahun 2016 hingga 2020. Rancangan ini adalah berdasarkan Hala Tuju Pembangunan Negeri Terengganu yang menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Terengganu. Ia adalah signifikan ke arah menggerakkan Negeri Terengganu mencapai status negeri maju menjelang tahun 2020.

5.2. Bagi menjayakan Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu, anggaran siling peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk tempoh 2016 hingga 2020 adalah berjumlah RM18.33 bilion dan telah diagihkan kepada 17 Jabatan/ Pejabat. Jabatan/Pejabat yang menerima peruntukan tertinggi adalah Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri dengan peruntukan sejumlah RM16.70 bilion atau 91.1% manakala Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri menerima sejumlah RM785.0 juta atau 4.3% seperti **Jadual 5.1**.

JADUAL 5.1
PERUNTUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN PEMBANGUNAN (RM Juta)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	16,695.01
2.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	785.00
3.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri	250.00
4.	Pejabat Daerah Besut	150.00
5.	Jabatan Bekalan Air	85.00
6.	Jabatan Kerja Raya Negeri	73.95
7.	Jabatan Perhutanan Negeri	60.00
8.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	58.00
9.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	43.30
10.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	29.50
11.	Pejabat Daerah Kemaman	15.00
12.	Pejabat Daerah Kuala Nerus	15.00
13.	Pejabat Daerah Dungun	14.00
14.	Pejabat Daerah Setiu	14.00
15.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	13.00
16.	Pejabat Daerah Marang	13.00
17.	Jabatan Pertanian Negeri	12.00
JUMLAH		18,325.76

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017

5.2.1. Status Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2017

Pada tahun 2017, peruntukan yang diluluskan bagi 17 Jabatan/Pejabat adalah berjumlah RM841.69 juta. Daripada peruntukan tersebut, sejumlah RM673.97 juta telah dibelanjakan bagi melaksanakan projek pembangunan. Pencapaian perbelanjaan pembangunan sehingga 31 Disember 2017 adalah seperti **Jadual 5.2**.

JADUAL 5.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2017

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN PERBELANJAAN (%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	758.02	607.52	80.1
2.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri	50.00	41.36	82.7
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	4.00	4.00	100.0
4.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	4.00	3.73	93.3
5.	Jabatan Kerja Raya	4.28	3.56	83.2
6.	Pejabat Daerah Besut	2.50	2.28	91.2
7.	Pejabat Daerah Kemaman	2.00	2.00	100.0
8.	Pejabat Daerah Kuala Nerus	2.00	1.98	99.0
9.	Pejabat Daerah Dungun	2.00	1.79	89.5
10.	Pejabat Daerah Marang	2.00	1.28	64.0
11.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	1.50	1.18	78.7
12.	Pejabat Daerah Setiu	1.00	0.88	88.0
13.	Jabatan Bekalan Air	1.99	0.74	37.2
14.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	5.00	0.55	11.0
15.	Jabatan Perhutanan Negeri	0.70	0.42	60.0
16.	Jabatan Pertanian Negeri	0.40	0.40	100.0
17.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	0.30	0.30	100.0
JUMLAH		841.69	673.97	80.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017

5.2.2. Status Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan Bagi Tahun 2017


5.2.2.1. Pada tahun 2017, sebanyak 5,343 projek telah dirancang untuk dilaksanakan oleh 17 Jabatan/Pejabat. Pada keseluruhannya, sebanyak 4,872 projek atau 91.2% daripada 5,343 projek yang diluluskan telah siap dilaksanakan, 434 projek sedang dilaksanakan dan 37 projek belum mula adalah seperti **Jadual 5.3** dan **Carta 5.1**.

JADUAL 5.3
STATUS PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2017

BIL.	JABATAN/PEJABAT	RANCANG	SIAP	SEDANG DILAKSANAKAN	BELUM MULA
		(Bil.)	(Bil.)	(Bil.)	(Bil.)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	4,935	4,472	428	35
2.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	2	2	0	0
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	7	7	0	0
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	54	48	5	1
5.	Pejabat Daerah Besut	25	24	0	1
6.	Pejabat Daerah Dungun	46	46	0	0
7.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	31	31	0	0
8.	Pejabat Daerah Kemaman	37	37	0	0
9.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	45	45	0	0
10.	Pejabat Daerah Marang	13	13	0	0
11.	Pejabat Daerah Setiu	26	26	0	0
12.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri	1	1	0	0
13.	Jabatan Perhutanan Negeri	2	2	0	0
14.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	5	5	0	0
15.	Jabatan Pertanian Negeri	4	4	0	0
16.	Jabatan Bekalan Air	8	7	1	0
17.	Pejabat Daerah Kuala Nerus	102	102	0	0
JUMLAH		5,343	4,872	434	37

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 dan Jabatan Negeri

CARTA 5.1
STATUS PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Negeri

5.2.2.2. Berdasarkan **Jadual 5.3**, sebanyak 13 Jabatan/Pejabat telah berjaya menyiapkan semua projek yang dirancang pada tahun 2017. Antara projek tersebut adalah pembinaan istana baru di Bukit Chendering, pembinaan jambatan di atas Sg. Terengganu ke Pulau Sekati, Manir, Terengganu dan Pembinaan Jalan & Jambatan dari Jeram ke Kg Tok Kong ke Bukit Guntong, Kuala Terengganu. Manakala 434 projek yang masih dalam pelaksanaan antaranya adalah Taman Ilmu, Pengubahsuaian/Naik Taraf Pasar Payang dan Sekitarnya serta Bangunan Baru Pentadbiran Negeri Terengganu. Selain itu, dua (2) projek terbesar daripada 37 projek yang masih belum dimulakan adalah seperti **Jadual 5.4**.

JADUAL 5.4
SENARAI DUA (2) PROJEK TERBESAR YANG BELUM DIMULAKAN

BIL.	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	SEBAB BELUM MULA
1.	Program Kebersihan dan Keindahan Negeri Terengganu	150.00	Program tidak sempat dilaksanakan pada tahun 2017.
2.	Program Perkhidmatan Mekanikal Negeri Terengganu	5.00	Dalam proses penyediaan sebut harga.

Sumber: Jabatan Negeri

5.3. RUMUSAN

Status prestasi perbelanjaan projek pembangunan Kerajaan Negeri pada tahun 2017 adalah baik kerana sejumlah RM673.97 juta atau 80.1% telah dibelanjakan berbanding RM841.69 juta peruntukan yang diluluskan. Manakala status prestasi pelaksanaan projek pembangunan adalah cemerlang kerana daripada 5,343 projek yang dirancang, sebanyak 4,872 atau 91.2% telah berjaya disiapkan, 434 projek atau 8.1% sedang dilaksanakan dan hanya 37 projek atau 0.7% belum dimulakan.

BAHAGIAN IV
PENYERAHAN, PENGESAHAN,
PEMBENTANGAN PENYATA
KEWANGAN DAN PRESTASI
KEWANGAN AGENSI NEGERI

BAHAGIAN IV

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

6. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pengauditan yang dijalankan adalah untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri sama ada penyata kewangan tersebut menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

6.1. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Negeri Terengganu mempunyai 16 Agensi yang perlu menyediakan dan menyerahkan penyata kewangan untuk diaudit yang terdiri daripada lapan (8) Badan Berkanun Negeri (BBN), satu (1) Majlis Agama Islam dan tujuh (7) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Penyata Kewangan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) diaudit oleh Ketua Audit Negara. Manakala Penyata Kewangan bagi lapan (8) BBN dan tujuh (7) PBT diaudit oleh Firma Audit Swasta selaras dengan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik mana-mana orang yang difikirkan kompeten untuk menjalankan pengauditan bagi pihaknya. Pengauditan yang dijalankan oleh Firma Audit Swasta diselia dan dipantau oleh pegawai Jabatan Audit Negara dari semasa ke semasa bagi memastikan isu dan permasalahan pengauditan yang dihadapi dapat diselesaikan dengan lebih awal dan berkesan. Selain itu, kertas kerja yang disediakan oleh Firma Audit Swasta juga disemak oleh pegawai Jabatan Audit Negara.

6.2. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

6.2.1. Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Bil. 1 Tahun 2009 pada 20 April 2009 bersetuju supaya tarikh penyerahan penyata kewangan bagi BBN, Majlis Agama Islam dan PBT dikemukakan sebelum/pada 30 April setiap tahun. Semua Kerajaan Negeri telah mengeluarkan surat secara pentadbiran mengarahkan semua Agensi Kerajaan Negeri mengemukakan penyata kewangan sebelum 30 April setiap tahun selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa tersebut.

6.2.2. Setakat 31 Julai 2018, sebanyak 13 Agensi Negeri telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2017 untuk diaudit dalam tempoh ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 April 2018. 13 Agensi tersebut adalah Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu, Yayasan Terengganu, Majlis Sukan Negeri Terengganu, Yayasan Islam Terengganu, Majlis Daerah Hulu Terengganu, Majlis Perbandaran Dungun, Majlis Daerah Marang, Majlis Daerah Besut, Majlis Perbandaran Kemaman, Majlis Daerah Setiu, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu serta Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu. Manakala dua (2) Agensi iaitu Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu dan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2017 lewat dari tarikh yang ditetapkan. Satu (1) Agensi iaitu Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu belum mengemukakan penyata kewangan tahun 2017 untuk diaudit. Kedudukan penyerahan penyata kewangan bagi tahun 2017 sehingga 31 Julai 2018 adalah seperti **Jadual 6.1**.

JADUAL 6.1
KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA
KEWANGAN BAGI TAHUN 2017 SEHINGGA 31 JULAI 2018

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH DITERIMA
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu	28.01.2018
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu	21.03.2018
3.	Yayasan Terengganu	22.04.2018
4.	Majlis Sukan Negeri Terengganu	23.04.2018
5.	Yayasan Islam Terengganu	30.04.2018
6.	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu	30.04.2018
7.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	13.06.2018
8.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	30.07.2018
9.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	Belum Terima
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	01.03.2018
2.	Majlis Perbandaran Dungun	18.03.2018
3.	Majlis Daerah Marang	18.03.2018
4.	Majlis Daerah Besut	26.03.2018
5.	Majlis Perbandaran Kemaman	08.04.2018
6.	Majlis Daerah Setiu	16.04.2018
7.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	22.04.2018

Sumber: Jabatan Audit Negara

6.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

6.3.1. Pengauditan penyata kewangan Agensi Negeri dijalankan untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pendapat Audit yang dikeluarkan terhadap penyata kewangan adalah dijelaskan melalui Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) iaitu sama ada Pendapat

Tanpa Teguran, Pendapat Tanpa Teguran (*Emphasis Of Matter*), Pendapat Berteguran, Pendapat Bertentangan atau Penafian Pendapat. Penyata kewangan bagi tahun 2016 bagi 15 Agensi Negeri telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dan satu (1) Agensi mendapat Pendapat Tanpa Teguran (*Emphasis of Matter*) iaitu Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu kerana penyata kewangan bagi empat (4) subsidiari telah diberikan Sijil Penafian dan satu (1) Sijil Berteguran.

6.3.2. Penyata kewangan bagi empat (4) subsidiari PMINT tertakluk kepada Pendapat Penafian kerana rekod perakaunan syarikat dan subsidiari tidak disimpan dengan wajar menurut peruntukan Akta Syarikat 2016. Manakala satu (1) penyata kewangan subsidiari tertakluk kepada Pendapat Berteguran kerana tiada dokumen sokongan disediakan bagi mengesahkan ketepatan baki wang tunai dan baki bank, baki pemiutang perdagangan serta baki pelbagai pemiutang.

6.4. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menyatakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan Agensi Negeri yang disahkan hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sehingga 31 Julai 2018, penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 bagi 14 Agensi Negeri telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Terengganu kecuali Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu. Manakala penyata kewangan Majlis Sukan Negeri Terengganu pula tidak perlu dibentangkan mengikut undang-undang penubuhannya.

6.5. PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri (BBN) tahun 2017 adalah berdasarkan tujuh (7) penyata kewangan tahun 2017 yang telah dikemukakan iaitu Lembaga Muzium Negeri Terengganu (LMNT), Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT), Yayasan Terengganu (YT), Majlis Sukan Negeri Terengganu (MSNT), Yayasan Islam Terengganu (YIT), Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) dan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) serta satu (1) draf penyata kewangan iaitu Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT). Analisis bagi tahun 2016 pula adalah berdasarkan kepada lapan (8) penyata kewangan yang telah disahkan dan dikeluarkan Laporan Ketua Audit Negara.

6.5.1. Analisis Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri

6.5.1.1. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan tahun 2017 bagi lapan (8) BBN adalah kurang memuaskan berbanding tahun 2016 kerana mengalami penurunan dalam surplus pendapatan terkumpul dan aset semasa bersih serta peningkatan dalam jumlah liabiliti. Pada tahun 2017, surplus pendapatan

terkumpul menurun sejumlah RM58.88 juta atau 1.8% manakala aset semasa bersih yang berjumlah RM894.61 juta menunjukkan penurunan yang ketara sejumlah RM223.52 juta atau 20% berbanding tahun 2016. Jumlah liabiliti pula mencatatkan peningkatan sejumlah RM94.10 juta atau 15.9% berbanding tahun sebelumnya. Kedudukan kewangan lapan (8) BBN bagi tahun 2016 dan 2017 adalah seperti **Jadual 6.2**.

JADUAL 6.2
KEDUDUKAN KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI BAGI TAHUN 2017 DAN 2016

PERKARA	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Surplus Pendapatan Berkumpul	3,193.38	3,252.26	-58.88	-1.8
Surplus Pendapatan Semasa	-44.60	-172.65	128.05	74.2
Jumlah Aset	4,141.93	4,106.28	35.65	0.9
Aset Semasa Bersih	894.61	1,118.13	-223.52	-20.0
JUMLAH LIABILITI	684.74	590.64	94.10	15.9

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2016

6.5.1.2. Analisis terhadap Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 mendapati tiga (3) BBN iaitu YPKT, PMINT dan MSNT telah mencatatkan surplus pendapatan semasa dan lima (5) BBN iaitu LTAWNT, YIT, YT, PPAT dan LMNT mengalami defisit pendapatan semasa berbanding perbelanjaan menjadikan defisit keseluruhan berjumlah RM44.60 juta. PMINT mencatatkan surplus pendapatan tertinggi iaitu sejumlah RM14.07 juta atau 31.5%. LTAWNT pula telah mencatatkan defisit semasa tertinggi iaitu sejumlah RM49.47 juta disebabkan pengurangan ke atas sumbangan projek penswastan dan lain-lain pendapatan. Manakala YT mencatatkan defisit semasa kedua tertinggi iaitu sejumlah RM13.94 juta disebabkan pengurangan pemberian daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan serta terimaan dari agensi lain.

6.5.1.3. Analisis terhadap Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2017 mendapati tujuh (7) BBN berada dalam kedudukan stabil di mana aset semasa melebihi liabiliti semasa antara RM0.52 juta hingga RM424.28 juta. LTAWNT mencatatkan aset semasa bersih paling tinggi iaitu berjumlah RM424.28 juta di mana aset semasa berjumlah RM471.94 juta berbanding liabiliti semasa yang berjumlah RM47.66 juta. Prestasi kewangan BBN bagi tahun 2017 seperti **Jadual 6.3**.

JADUAL 6.3
PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI BAGI TAHUN 2017

BIL.	AGENSI	PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017			LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2017		
		PENDAPATAN	PERBELANJAAN	SURPLUS/ DEFISIT	ASET SEMASA	LIABILITI SEMASA	ASET SEMASA BERSIH
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	64.75	50.68	14.07	714.39	298.76	415.63
2.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	40.23	34.14	6.09	45.58	25.64	19.94
3.	Majlis Sukan Negeri Terengganu	22.75	20.75	2.00	5.79	1.32	4.47
4.	Yayasan Islam Terengganu	104.20	104.84	-0.64	22.01	36.02	-14.01
5.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu	11.34	12.53	-1.19	17.50	0.39	17.11
6.	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu	13.37	14.89	-1.52	1.47	0.95	0.52
7.	Yayasan Terengganu	101.00	114.94	-13.94	31.96	5.29	26.67
8.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	47.69	97.16	-49.47	471.94	47.66	424.28
JUMLAH		405.33	449.93	-44.60	1,310.64	416.03	894.61


Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2017

6.5.1.4. Analisis Pendapatan Badan Berkanun Negeri

- a. Pendapatan janaan sendiri yang diperoleh oleh lapan (8) BBN pada tahun 2017 berjumlah RM160.48 juta berbanding dengan RM218.54 juta pada tahun 2016. Analisis Audit mendapati lima (5) BBN memperoleh peningkatan pendapatan janaan sendiri antara RM0.02 juta hingga RM7.69 juta dan tiga (3) BBN mengalami penurunan pendapatan janaan sendiri antara RM3.08 juta hingga RM54.16 juta. PMINT memperoleh peningkatan pendapatan janaan sendiri tertinggi bagi tahun 2017 iaitu sejumlah RM7.69 juta atau 11.5% diikuti oleh YPKT dengan peningkatan sejumlah RM1.70 juta atau 11.9% dan PPAT dengan peningkatan sejumlah RM0.13 juta atau 34.2%. Pendapatan janaan sendiri bagi LMNT juga meningkat sejumlah RM0.07 juta atau 8% dan diikuti oleh MSNT dengan peningkatan sejumlah RM0.02 juta atau 14.3%. Manakala LTAWNT mengalami penurunan tertinggi iaitu sejumlah RM54.16 juta atau 59% berbanding tahun 2016. Begitu juga YIT mengalami penurunan sejumlah RM10.43 juta atau 29.6% dan YT dengan penurunan sejumlah RM3.08 juta atau 34.7% berbanding tahun 2016.

- b. Selain daripada pendapatan janaan sendiri, tujuh (7) BBN juga menerima geran daripada Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan serta sumbangan lain berjumlah RM254.68 juta pada tahun 2017 berbanding RM239.15 juta pada tahun 2016. Jumlah geran ini meliputi geran operasi dan pembangunan untuk membantu BBN melaksanakan program serta aktiviti BBN serta menguruskan projek pembangunan. Trend pendapatan janaan sendiri dan geran yang diterima bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah seperti **Carta 6.1**.

CARTA 6.1
TREND PENDAPATAN JANAAN SENDIRI DAN GERAN DARIPADA KERAJAAN
UNTUK BADAN BERKANUN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2015 Hingga 2017

6.5.1.5. Analisis Surplus Terkumpul Badan Berkanun Negeri

Pada keseluruhannya, lapan (8) BBN memperoleh surplus terkumpul sejumlah RM3,193.38 juta pada tahun 2017 iaitu menurun sejumlah RM58.88 juta atau 1.8% berbanding RM3,252.26 juta pada tahun 2016. Jumlah surplus terkumpul BBN bagi tahun 2016 dan 2017 adalah seperti **Jadual 6.4**.

JADUAL 6.4
JUMLAH SURPLUS TERKUMPUL
BADAN BERKANUN NEGERI BAGI TAHUN 2017 DAN 2016

BIL.	AGENSI	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	1,837.94	1,887.35	-49.41	-2.6
2.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	629.60	632.38	-2.78	-0.4
3.	Yayasan Terengganu	554.95	568.89	-13.94	-2.5
4.	Yayasan Islam Terengganu	119.11	118.04	1.07	0.9
5.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu	25.31	26.49	-1.18	-4.5

BIL.	AGENSI	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
6.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	17.79	10.91	6.88	63.1
7.	Majlis Sukan Negeri Terengganu	5.15	3.15	2.00	63.5
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu	3.53	5.05	-1.52	-30.1
JUMLAH		3,193.38	3,252.26	-58.88	-1.8

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2016

6.5.1.6. Analisis Aset Badan Berkanun Negeri

- a. Kedudukan aset bagi lapan (8) BBN pada tahun 2017 adalah berjumlah RM4,141.93 juta berbanding RM4,106.28 juta pada tahun 2016 iaitu peningkatan sejumlah RM35.65 juta atau 0.9%. Daripada jumlah aset tersebut, jumlah aset semasa pada akhir tahun 2017 ialah RM1,310.64 juta berbanding RM1,459.68 juta pada tahun 2016 menurun sejumlah RM149.04 juta atau 10.2%. Nilai aset semasa bersih juga telah menurun daripada RM1,118.13 juta pada tahun 2016 kepada RM894.61 juta pada tahun 2017 iaitu penurunan sejumlah RM223.52 juta atau 20%. Perbandingan aset semasa bersih antara BBN mengikut tahun 2016 dan 2017 adalah seperti **Jadual 6.5**.

JADUAL 6.5
PERBANDINGAN ASET SEMASA BERSIH ANTARA
BADAN BERKANUN NEGERI BAGI TAHUN 2017 DAN 2016

BIL.	AGENSI	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	19.94	14.94	5.00	33.5
2.	Majlis Sukan Negeri Terengganu	4.47	2.33	2.14	91.8
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu	0.52	1.33	-0.81	-60.9
4.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu	17.11	17.98	-0.87	-4.8
5.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	415.63	419.44	-3.81	-0.9
6.	Yayasan Terengganu	26.67	31.99	-5.32	-16.6
7.	Yayasan Islam Terengganu	-14.01	35.63	-49.64	-139.3
8.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	424.28	594.49	-170.21	-28.6
JUMLAH		894.61	1,118.13	-223.52	-20.0

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2016

- b. Analisis Audit terhadap aset semasa bersih mendapati:
- Sebanyak dua (2) BBN iaitu YPKT dan MSNT mencatatkan peningkatan dalam aset semasa bersih. YPKT dan MSNT mencatatkan peningkatan aset semasa bersih masing-masing sejumlah RM5 juta dan RM2.14 juta. Aset semasa bersih YPKT pada tahun 2016 berjumlah RM14.94 juta berbanding RM19.94 juta pada tahun 2017 iaitu meningkat sejumlah RM5 juta atau 33.5%. Ini disebabkan pertambahan pelbagai deposit dan


pelbagai penghutang. Manakala MSNT pula mencatatkan peningkatan sejumlah RM2.14 juta atau 91.8% iaitu daripada sejumlah RM2.33 juta pada tahun 2016 berbanding RM4.47 juta pada tahun 2017 kerana pertambahan penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang.

- Sebanyak enam (6) BBN iaitu LTAWNT, YIT, YT, PMINT, LMNT dan PPAT mengalami penurunan aset semasa bersih. Penurunan aset semasa bersih yang ketara dialami oleh LTAWNT iaitu menurun sejumlah RM170.21 juta atau 28.6% kerana pengurangan ke atas tunai dan bank serta pendahuluan pada tahun 2017. Selain itu, YIT mencatatkan penurunan sejumlah RM49.64 juta atau 139.3% kerana pengurangan ke atas tunai dan baki di bank serta penghutang dan lain-lain. YT turut mencatatkan penurunan sejumlah RM5.32 juta atau 16.6% disebabkan pengurangan ke atas tunai dan setara tunai serta penghutang.

6.5.1.7. Analisis Pelaburan Badan Berkanun Negeri

Pada tahun 2017, jumlah pelaburan bagi enam (6) BBN iaitu YIT, YPKT, PPAT, YT, PMINT dan LTAWNT ialah RM1,207.58 juta. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan dalam anak syarikat, syarikat bersekutu, pelaburan saham amanah dan pelaburan lain. Penilaian pelaburan adalah berdasarkan nilai sejarah. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah pelaburan telah meningkat sejumlah RM252.24 juta atau 26.4% berbanding RM955.34 juta pada tahun 2016. Jenis pelaburan BBN bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 6.2**.

CARTA 6.2
JENIS PELABURAN BADAN BERKANUN NEGERI BAGI TAHUN 2017



Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2017

6.5.1.8. Analisis Liabiliti Badan Berkanun Negeri

Pada akhir tahun 2017, jumlah liabiliti bagi lapan (8) BBN ialah RM684.74 juta berbanding RM590.64 juta pada tahun 2016 iaitu peningkatan sejumlah RM94.10 juta atau 15.9%. Dua (2) daripada lapan (8) BBN berjaya mengurangkan jumlah liabiliti antara RM0.15 juta hingga RM0.91 juta. YT telah mencatatkan penurunan liabiliti tertinggi iaitu sejumlah RM0.91 juta atau 14.7% kerana pengurangan pemiutang dan tanggungan jangka pendek. LMNT pula mencatatkan penurunan liabiliti sejumlah RM0.15 juta atau 27.8% kerana pengurangan dalam bon pelaksanaan, lain-lain belum bayar dan terakru. Manakala YIT pula telah mencatatkan peningkatan liabiliti tertinggi sejumlah RM52.84 juta atau 69.9% kerana pertambahan pinjaman OSK Capital Bhd. Selain itu, LTAWNT juga mencatatkan peningkatan liabiliti sejumlah RM19.66 juta atau 47.2% kerana pertambahan deposit diterima dan pemiutang. Jumlah liabiliti BBN bagi tahun 2016 dan 2017 adalah seperti **Jadual 6.6**.

JADUAL 6.6
JUMLAH LIABILITI BADAN BERKANUN NEGERI BAGI TAHUN 2017 DAN 2016

BIL.	AGENSI	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Yayasan Terengganu	5.29	6.20	-0.91	-14.7
2.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu	0.39	0.54	-0.15	-27.8
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu	0.95	0.35	0.60	171.4
4.	Majlis Sukan Negeri Terengganu	1.32	0.56	0.76	135.7
5.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	25.64	22.93	2.71	11.8
6.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	461.35	442.76	18.59	4.2
7.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	61.34	41.68	19.66	47.2
8.	Yayasan Islam Terengganu	128.46	75.62	52.84	69.9
JUMLAH		684.74	590.64	94.10	15.9

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2017 dan 2016

6.5.1.9. Analisis Nisbah

- a. Nisbah semasa digunakan bagi menilai keupayaan kecairan agensi untuk menjelaskan hutang jangka pendek. Berdasarkan pengiraan Audit, kadar nisbah semasa bagi tujuh (7) BBN adalah lebih daripada satu (1) iaitu aset semasa melebihi liabiliti semasa kecuali YIT dengan nisbah semasa bersamaan 1: 0.61. Ini menunjukkan tujuh (7) BBN tersebut berkemampuan untuk mendapatkan tunai bagi membayar segala hutang semasa pada tahun 2017. Nisbah cepat pula mengukur kemampuan agensi untuk membayar hutang jangka pendek tanpa bergantung pada inventori. Pengiraan nisbah cepat mendapati semua BBN mempunyai kecairan yang mencukupi dan tidak bergantung kepada inventori untuk menjelaskan liabiliti jangka pendek. Manakala nisbah hutang digunakan bagi mengukur peratus dana dibiayai daripada sumber selain ekuiti. Analisis nisbah hutang pula menunjukkan

jumlah hutang bagi tujuh (7) BBN adalah tidak melebihi 50% daripada jumlah aset kecuali YIT dengan nisbah hutang bersamaan 52%. Penilaian terhadap analisis nisbah lapan (8) BBN bagi tahun 2017 adalah seperti **Jadual 6.7**.

JADUAL 6.7
ANALISIS NISBAH BADAN BERKANUN NEGERI BAGI TAHUN 2017

BIL.	AGENSI	NISBAH SEMASA	NISBAH CEPAT	NISBAH HUTANG
1.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu	44.87	44.87	0.02
2.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	9.90	9.90	0.03
3.	Yayasan Terengganu	6.04	6.04	0.01
4.	Majlis Sukan Negeri Terengganu	4.40	4.40	0.20
5.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	2.39	1.62	0.42
6.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	1.78	1.78	0.31
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu	1.55	1.55	0.10
8.	Yayasan Islam Terengganu	0.61	0.61	0.52

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2017

- b. Bagi menilai/mengukur kecairan dan kestabilan sesebuah Agensi, pihak Audit menggunakan dua kaedah/analisis iaitu Modal Kerja dan Aliran Tunai Bersih. Modal kerja bertujuan untuk mengukur keupayaan aset semasa untuk menampung liabiliti semasa dalam sesuatu tempoh. Modal kerja yang positif adalah penting untuk memastikan agensi mampu melaksanakan aktiviti semasa dengan sumber kewangan yang mencukupi. Analisis modal kerja mendapati tujuh (7) BBN mempunyai modal kerja yang mencukupi kecuali YIT. Sementara itu, aliran tunai bersih menunjukkan nilai kesetaraan tunai yang dimiliki oleh agensi dalam tahun semasa. Pada tahun 2017, enam (6) BBN mempunyai nilai kesetaraan tunai yang positif manakala dua (2) BBN mempunyai nilai kesetaraan tunai yang negatif iaitu LTAWNT sejumlah RM18.27 juta dan MSNT sejumlah RM0.82 juta. Penilaian terhadap analisis kecairan dan kestabilan BBN bagi tahun 2017 adalah seperti **Jadual 6.8**.

JADUAL 6.8
ANALISIS KECAIRAN DAN KESTABILAN
BADAN BERKANUN NEGERI BAGI TAHUN 2017

BIL.	AGENSI	MODAL KERJA (RM Juta)	ALIRAN TUNAI BERSIH (RM Juta)
1.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	424.28	-18.27
2.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	415.63	17.15
3.	Yayasan Terengganu	26.67	17.18
4.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	19.94	15.40
5.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu	17.11	0.98
6.	Majlis Sukan Negeri Terengganu	4.47	-0.82
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu	0.52	1.39
8.	Yayasan Islam Terengganu	-14.01	9.93

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2017

6.5.2. Analisis Prestasi Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri

6.5.2.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat

Pada tahun 2017, PMINT melabur sejumlah RM48.62 juta dalam 14 syarikat, YT melabur sejumlah RM23.46 juta dalam tujuh (7) syarikat, LTAWNT melabur sejumlah RM291.25 juta dalam empat (4) syarikat dan YPKT melabur sejumlah RM3.31 juta dalam dua (2) syarikat. Analisis pelaburan pada kos dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu oleh BBN adalah seperti **Jadual 6.9**.

JADUAL 6.9
ANALISIS PELABURAN PADA KOS
DALAM ANAK SYARIKAT DAN SYARIKAT BERSEKUTU

PERKARA	PMINT	YT	LTAWNT	YPKT	JUMLAH
Anak Syarikat (100%)	14	5	3	1	23
Anak Syarikat (>50%)	0	0	0	1	1
Syarikat Bersekutu (<50%)	0	2	1	0	3
JUMLAH SYARIKAT	14	7	4	2	27
PELABURAN (RM Juta)	48.62	23.46	291.25	3.31	366.64

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2017

6.5.2.2. Status Anak Syarikat

Analisis Audit terhadap anak syarikat yang mana BBN memiliki ekuiti lebih daripada 50% mendapati empat (4) BBN telah melabur dalam 16 anak syarikat yang berstatus aktif. Daripada empat (4) BBN tersebut, PMINT mempunyai bilangan anak syarikat terbanyak iaitu 14 anak syarikat di mana tujuh (7) berstatus aktif dan tujuh (7) berstatus tidak aktif. Manakala YT mempunyai empat (4) anak syarikat yang berstatus aktif dan satu (1) berstatus tidak aktif, LTAWNT mempunyai tiga (3) anak syarikat yang berstatus aktif dan YPKT mempunyai dua (2) anak syarikat yang berstatus aktif. Status anak syarikat bagi tahun 2017 adalah seperti **Jadual 6.10**.

JADUAL 6.10
STATUS ANAK SYARIKAT BAGI TAHUN 2017

BIL.	AGENSI	BILANGAN ANAK SYARIKAT (EKUITI LEBIH DARIPADA 50%)		
		STATUS AKTIF	STATUS TIDAK AKTIF	JUMLAH SYARIKAT
1.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	7	7	14
2.	Yayasan Terengganu	4	1	5
3.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	3	0	3
4.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	2	0	2
JUMLAH		16	8	24

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2017

6.5.2.3. Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Syarikat

Pada 31 Disember 2017, sebanyak 12 anak syarikat yang aktif di bawah empat (4) BBN mempunyai keuntungan terkumpul secara keseluruhannya yang berjumlah RM107.58 juta. Analisis Audit menunjukkan empat (4) anak syarikat di bawah empat (4) BBN mempunyai kerugian terkumpul secara keseluruhannya berjumlah RM21.54 juta. Antara anak syarikat yang mempunyai keuntungan terkumpul tertinggi ialah TATIUC Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat LTAWNT yang berjumlah RM47.62 juta. Manakala anak syarikat yang mempunyai kerugian terkumpul tertinggi ialah Duyong Marina Resort Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat LTAWNT berjumlah RM19.91 juta. Analisis keuntungan dan kerugian terkumpul anak syarikat BBN bagi tahun kewangan 2017 adalah seperti **Jadual 6.11**.

JADUAL 6.11
ANALISIS KEUNTUNGAN/KERUGIAN TERKUMPUL
ANAK SYARIKAT BADAN BERKANUN NEGERI BAGI TAHUN KEWANGAN 2017

BIL.	AGENSI	KEUNTUNGAN TERKUMPUL		KERUGIAN TERKUMPUL		KEUNTUNGAN/ (KERUGIAN) BERSIH (RM Juta)
		BIL. ANAK SYARIKAT	JUMLAH (RM Juta)	BIL. ANAK SYARIKAT	JUMLAH (RM Juta)	
1.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	2	63.74	1	19.91	43.83
2.	Yayasan Terengganu	3	34.36	1	0.42	33.94
3.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	6	4.14	1	0.22	3.92
4.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	1	5.34	1	0.99	4.35
JUMLAH		12	107.58	4	21.54	86.04

Sumber: Penyata Kewangan Anak Syarikat bagi Tahun 2017

6.5.3. Analisis Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

6.5.3.1. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Terengganu terdiri daripada satu (1) Majlis Bandaraya, dua (2) Majlis Perbandaran dan empat (4) Majlis Daerah. Analisis prestasi kewangan PBT tahun 2017 adalah berdasarkan tujuh (7) penyata kewangan yang telah dikemukakan Majlis Daerah Hulu Terengganu (MDHT), Majlis Daerah Marang (MDM), Majlis Perbandaran Dungun (MPD), Majlis Daerah Besut (MDB), Majlis Perbandaran Kemaman (MPK), Majlis Daerah Setiu (MDS) dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT). Analisis prestasi kewangan PBT tahun 2016 pula adalah berdasarkan penyata kewangan tahun 2016 yang telah disahkan dan dikeluarkan sijil Ketua Audit Negara.

6.5.3.2. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan tahun 2017 bagi tujuh (7) PBT adalah memuaskan berbanding tahun 2016. Pada tahun 2017, surplus terkumpul dan surplus semasa masing-masing menurun sebanyak 0.1% dan 98.7%. Manakala aset semasa bersih dan jumlah aset masing-masing

meningkat sebanyak 2.7% dan 3.3%. Kedudukan kewangan tujuh (7) PBT bagi tahun 2017 dan 2016 adalah seperti **Jadual 6.12**.

JADUAL 6.12
KEDUDUKAN KEWANGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN 2016 DAN 2017

PERKARA	2017	2016	PERUBAHAN	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Lebihan Pendapatan Berkumpul	249.22	249.37	-0.15	-0.1
Jumlah Aset	671.37	649.68	21.69	3.3
Aset Semasa Bersih	79.51	77.41	2.10	2.7
Lebihan Pendapatan Semasa	0.57	42.56	-41.99	-98.7

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun 2017 dan 2016

6.5.3.3. Analisis Audit terhadap Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 mendapati tiga (3) PBT iaitu, MDM, MDS dan MDHT memperoleh surplus berjumlah antara RM0.62 juta hingga RM2.93 juta. MDM telah mencatatkan surplus paling tinggi iaitu RM2.93 juta manakala empat (4) PBT, iaitu MDB, MPD, MPK dan MBKT mencatatkan defisit berjumlah antara RM0.28 juta hingga RM2.04 juta.

6.5.3.4. Analisis Audit terhadap Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2017 pula mendapati enam (6) PBT berada dalam kedudukan stabil di mana aset semasa melebihi liabiliti semasa antara RM0.73 juta hingga RM30.74 juta manakala satu (1) PBT mencatatkan aset semasa bersih yang negatif berjumlah RM20.3 juta menjadikan keseluruhan PBT mencatatkan aset semasa bersih yang berjumlah RM79.51 juta. MDHT mencatat aset semasa bersih paling tinggi iaitu berjumlah RM30.74 juta di mana aset semasa berjumlah RM32.68 juta berbanding liabiliti semasa yang berjumlah RM1.94 juta. Prestasi kewangan PBT bagi tahun 2017 seperti **Jadual 6.13**.

JADUAL 6.13
PRESTASI KEWANGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN 2017

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017			LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2017		
		PENDAPATAN	PERBELANJAAN	SURPLU/DEFISIT	ASET SEMASA	LIABILITI SEMASA	ASET SEMASA BERSIH
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	Majlis Daerah Marang	13.39	10.46	2.93	15.73	3.38	12.35
2.	Majlis Daerah Setiu	16.29	15.30	0.99	4.73	4.00	0.73
3.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	13.08	12.46	0.62	32.68	1.94	30.74
4.	Majlis Daerah Besut	17.83	18.11	-0.28	38.95	12.61	26.34
5.	Majlis Perbandaran Dungun	23.93	24.64	-0.71	31.33	14.05	17.28
6.	Majlis Perbandaran Kemaman	81.90	82.84	-0.94	46.78	67.08	-20.3
7.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	76.94	78.98	-2.04	72.02	59.65	12.37
JUMLAH		243.36	242.79	0.57	242.22	162.71	79.51

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun 2017

6.5.3.5. Analisis Lebihan/Kurangan Pendapatan Pihak Berkuasa Tempatan

- a. Pada keseluruhannya, perbandingan surplus/defisit tahun 2017 dan 2016 mendapati satu (1) PBT, iaitu MDM mencatatkan perubahan yang positif dalam surplus berjumlah RM2.89 juta. Dua (2) PBT iaitu MDS dan MDHT mencatatkan perubahan negatif dalam surplus masing-masing berjumlah RM26.35 juta dan RM2.43 juta. Empat (4) PBT, iaitu MPD, MDB, MPK dan MBKT pula mencatatkan perubahan yang negatif dalam surplus/defisit antara RM0.83 juta hingga RM10.30 juta. Ini menjadikan jumlah keseluruhan perubahan dalam surplus/defisit adalah RM41.99 juta pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. Perbandingan surplus dan defisit PBT di Negeri Terengganu bagi tahun 2017 dan 2016 adalah seperti **Jadual 6.14**.

JADUAL 6.14
PERBANDINGAN SURPLUS/DEFISIT PIHAK BERKUASA
TEMPATAN DI NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN 2017 DAN 2016

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	2017	2016	PERUBAHAN	
		SURPLUS/ DEFISIT	SURPLUS/ DEFISIT		
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Daerah Marang	2.93	0.04	2.89	7,225.0
2.	Majlis Perbandaran Dungun	-0.71	0.12	-0.83	-691.7
3.	Majlis Daerah Besut	-0.28	2.14	-2.42	-113.1
4.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	0.62	3.05	-2.43	-79.7
5.	Majlis Perbandaran Kemaman	-0.94	1.61	-2.55	-158.4
6.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	-2.04	8.26	-10.30	-124.7
7.	Majlis Daerah Setiu	0.99	27.34	-26.35	-96.4
JUMLAH		0.57	42.56	-41.99	-98.7

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun 2017 dan 2016

- b. Analisis Audit terhadap surplus/defisit tahun 2017 berbanding tahun 2016 mendapati:
- MDM telah mencatatkan peningkatan surplus tertinggi dengan kenaikan sejumlah RM2.89 juta atau 7,225.0%, dari surplus sejumlah RM0.04 juta pada tahun 2016 kepada surplus berjumlah RM2.93 juta pada tahun 2017. Manakala MDS pula memperoleh surplus sejumlah RM0.99 juta pada tahun 2017 berbanding surplus sejumlah RM27.34 juta pada tahun 2016. MDHT pula memperoleh surplus sejumlah RM0.62 juta pada tahun 2017 berbanding surplus sejumlah RM3.05 juta pada tahun 2016. Ini disebabkan oleh pengurangan dalam perbelanjaan lain di MDM, pengurangan dalam hasil bantuan dan caruman di MDS serta pengurangan dalam hasil cukai di MDHT.
 - Daripada enam (6) PBT yang mencatatkan perubahan negatif dalam surplus/defisit, empat (4) PBT iaitu MPD, MDB, MPK dan MBKT

mencatatkan penurunan dari surplus antara RM0.12 juta hingga RM8.26 juta pada tahun 2016 menjadi defisit sejumlah RM0.28 juta hingga RM2.04 juta pada tahun 2017. Ini disebabkan oleh peningkatan dalam perbelanjaan lain di MPD dan MDB, peningkatan perbelanjaan emolumen di MPK dan penurunan dalam terimaan bukan hasil iaitu bantuan daripada Kerajaan Negeri di MBKT.

6.5.3.6. Hasil dan Perbelanjaan Pihak Berkuasa Tempatan

Hasil utama PBT adalah daripada cukai taksiran, sumbangan/terimaan daripada Kerajaan, faedah daripada pelaburan, lesen perniagaan dan perkhidmatan sewaan dan lain-lain bayaran perkhidmatan. Sumbangan/terimaan daripada Kerajaan merangkumi terimaan tunai daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta pelunasan aset pemberian Kerajaan Negeri. Pada tahun 2017, PBT telah mengutip hasil sejumlah RM243.36 juta di mana cukai taksiran merupakan hasil tertinggi berjumlah RM104.48 juta atau 42.9% daripada keseluruhan hasil PBT. Manakala sejumlah RM242.79 juta telah dibelanjakan oleh PBT pada tahun 2017 yang meliputi perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan, perbelanjaan pembangunan/infrastruktur dan lain-lain perbelanjaan. Jenis hasil PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti **Jadual 6.15**.

JADUAL 6.15
JENIS HASIL PIHAK BERKUASA
TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	CUKAI TAKSIRAN	TERIMAAN DARIPADA KERAJAAN	PELBAGAI	LESEN	FAEDAH PELABURAN	JUMLAH
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	29.64	21.39	20.49	5.36	0.06	76.94
Majlis Perbandaran Kemaman	58.01	9.61	11.62	2.41	0.25	81.90
Majlis Perbandaran Dungun	9.27	4.81	7.58	1.51	0.76	23.93
Majlis Daerah Hulu Terengganu	3.58	6.02	2.47	0.27	0.74	13.08
Majlis Daerah Besut	1.44	9.97	4.55	0.96	0.91	17.83
Majlis Daerah Marang	2.00	5.97	4.73	0.45	0.24	13.39
Majlis Daerah Setiu	0.54	13.22	2.29	0.22	0.02	16.29
JUMLAH	104.48	70.99	53.73	11.18	2.98	243.36

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun 2017

6.5.3.7. Aset Semasa Bersih Pihak Berkuasa Tempatan

- a. Pada tahun 2017, kesemua tujuh (7) PBT di Negeri Terengganu mengamalkan perakaunan berasaskan akruan ubah suai. Mengikut perakaunan akruan ubah suai, transaksi direkod pada asas akruan kecuali sebahagian aset atau liabiliti yang tidak diambil kira dalam Lembaran Imbangan. Akaun Belum Terima hanya mengambil kira penghutang cukai taksiran dan sewa sahaja. Secara keseluruhannya, aset semasa bersih PBT di Negeri Terengganu pada tahun 2017 telah mencatatkan peningkatan

sejumlah RM2.09 juta atau 2.7%, iaitu dari sejumlah RM77.42 juta pada tahun 2016 menjadi sejumlah RM79.51 juta pada tahun 2017. Aset semasa bersih PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 dan 2016 adalah seperti **Jadual 6.16**.

JADUAL 6.16
ASET SEMASA BERSIH PIHAK BERKUASA TEMPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 DAN 2016

PBT	TAHUN 2017			TAHUN 2016			PERUBAHAN ASET SEMASA BERSIH	
	ASET SEMASA	LIABILITI SEMASA	ASET SEMASA BERSIH	ASET SEMASA	LIABILITI SEMASA	ASET SEMASA BERSIH		
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
MPK	46.78	67.08	-20.30	34.91	59.11	-24.20	3.90	-16.1
MDM	15.73	3.38	12.35	14.16	3.15	11.01	1.34	12.2
MDHT	32.68	1.94	30.74	31.33	1.32	30.01	0.73	2.4
MDS	4.73	4.00	0.73	2.37	1.49	0.88	-0.15	-17.0
MPD	31.33	14.05	17.28	27.36	9.45	17.91	-0.63	-3.5
MBKT	72.02	59.65	12.37	72.02	58.73	13.29	-0.92	-6.9
MDB	38.95	12.61	26.34	35.50	6.98	28.52	-2.18	-7.6
JUMLAH	242.22	162.71	79.51	217.65	140.23	77.42	2.09	2.7

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun 2017 dan 2016

- b. Analisis Audit terhadap aset semasa bersih PBT mendapati perkara seperti berikut:
- MPK mengalami penurunan dalam aset semasa bersih yang negatif pada tahun 2017 sejumlah RM3.90 juta atau 16.1% kepada RM20.3 juta berbanding RM24.2 juta pada tahun 2016. Penurunan dalam aset semasa bersih yang negatif ini disebabkan oleh peningkatan sejumlah RM6.59 juta atau 28.2% dalam Akaun Belum Terima serta peningkatan dalam Baki Tunai dan Di Bank sejumlah RM2.99 juta atau 122.0%.
 - MDM telah mencatatkan peningkatan aset semasa bersih sejumlah RM1.34 juta menjadi RM12.35 juta pada tahun 2017 berbanding sejumlah RM11.01 juta pada tahun 2016. Perubahan ini disebabkan oleh peningkatan dalam Pelbagai Belum Terima sebanyak 17.5% serta peningkatan dalam Tunai di Bank sebanyak 24.5%.
 - MDHT telah mencatatkan peningkatan aset semasa bersih sejumlah RM0.73 juta menjadi RM30.74 juta pada tahun 2017 berbanding sejumlah RM30.01 juta pada tahun 2016. Perubahan ini disebabkan oleh peningkatan dalam Pelbagai Belum Terima sebanyak 17.5% serta peningkatan dalam Tunai di bank sebanyak 24.5%.

- Sebanyak empat (4) PBT lagi, iaitu MDS, MPD, MBKT dan MDB mencatatkan penurunan dalam aset semasa bersih antara RM0.15 juta hingga RM2.18 juta atau 3.5% hingga 17.0% pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. MDB mencatatkan penurunan aset semasa bersih paling tinggi iaitu sejumlah RM2.18 juta atau 7.6% pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 disebabkan oleh peningkatan dalam Pelbagai Amanah sebanyak 99.3%.

6.5.3.8. Tunggakan Hasil Cukai Taksiran

- a. Cukai taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976. Cukai taksiran adalah merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT. Cukai taksiran dikenakan ke atas pegangan seperti rumah kediaman, harta perdagangan (kedai, kilang, hotel dan sebagainya), harta industri (kilang, pelabuhan dan sebagainya) dan tanah. Caruman bantu kadar merupakan cukai tahunan yang dikenakan ke atas bangunan milik Kerajaan. Sehingga akhir tahun 2017, sejumlah RM104.48 juta cukai taksiran telah dikutip oleh tujuh (7) PBT di Negeri Terengganu. Hasil cukai taksiran ini meningkat sejumlah RM1.08 juta atau 1.0% berbanding hasil cukai taksiran pada tahun 2016. Perbandingan hasil cukai taksiran PBT bagi tahun 2017 dan 2016 adalah seperti **Jadual 6.17**.

JADUAL 6.17
HASIL CUKAI TAKSIRAN PIHAK
BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN 2017 DAN 2016

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	2017	2016	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Kemaman	58.01	55.38	2.63	4.7
2.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	29.64	29.35	0.29	1.0
3.	Majlis Daerah Marang	2.00	1.74	0.26	14.9
4.	Majlis Daerah Besut	1.44	1.33	0.11	8.3
5.	Majlis Perbandaran Dungun	9.27	9.16	0.11	1.2
6.	Majlis Daerah Setiu	0.54	0.51	0.03	5.9
7.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	3.58	5.93	-2.35	-39.6
JUMLAH		104.48	103.4	1.08	1.0

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun 2017 dan 2016

- b. Secara keseluruhannya, analisis Audit terhadap tunggakan cukai taksiran mendapati jumlah tunggakan telah meningkat daripada RM76.04 juta pada tahun 2016 kepada RM82.25 juta pada tahun 2017 di mana berlaku peningkatan sejumlah RM6.21 juta atau 8.2%. Lima (5) PBT telah mengalami kenaikan tunggakan cukai taksiran antara RM0.12 juta hingga RM4.43 juta atau 5.2% hingga 21.1%. Manakala dua (2) PBT telah mengalami penurunan tunggakan cukai taksiran antara RM0.48 juta hingga

RM0.93 juta atau 7.8% hingga 8.0%. Perbandingan tunggakan cukai taksiran bagi tahun 2017 dan 2016 adalah seperti **Jadual 6.18**.

JADUAL 6.18
TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN BAGI TAHUN 2017 DAN 2016

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	2017	2016	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	10.72	11.65	-0.93	-8.0
2.	Majlis Perbandaran Dungun	5.71	6.19	-0.48	-7.8
3.	Majlis Daerah Setiu	0.86	0.74	0.12	16.2
4.	Majlis Daerah Besut	3.41	3.24	0.17	5.2
5.	Majlis Daerah Marang	4.24	3.63	0.61	16.8
6.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	31.87	29.58	2.29	7.7
7.	Majlis Perbandaran Kemaman	25.44	21.01	4.43	21.1
JUMLAH		82.25	76.04	6.21	8.2

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun 2017 dan 2016

- c. Berdasarkan penyata kewangan bagi tahun 2017, pendapatan bagi semua PBT adalah berjumlah RM243.36 juta. Manakala tunggakan cukai taksiran pula adalah berjumlah RM82.25 juta. Tunggakan cukai taksiran adalah sebanyak 33.8% daripada pendapatan dan keadaan ini perlulah diberi perhatian serius oleh PBT terlibat. Tindakan lebih tegas untuk mengutip tunggakan hasil hendaklah diambil. Tunggakan cukai taksiran berbanding jumlah pendapatan bagi tahun 2017 adalah seperti **Jadual 6.19**.

JADUAL 6.19
TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN BERBANDING PENDAPATAN BAGI TAHUN 2017

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN	PENDAPATAN	TUNGGAKAN BERBANDING PENDAPATAN
		(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Daerah Setiu	0.86	16.29	5.3
2.	Majlis Daerah Besut	3.41	17.83	19.1
3.	Majlis Perbandaran Dungun	5.71	23.93	23.9
4.	Majlis Perbandaran Kemaman	25.44	81.9	31.1
5.	Majlis Daerah Marang	4.24	13.39	31.7
6.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	31.87	76.94	41.4
7.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	10.72	13.08	82.0
JUMLAH		82.25	243.36	33.8

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun 2017

- d. MDHT mempunyai peratus tertinggi bagi tunggakan cukai taksiran berbanding pendapatan iaitu 82.0%. Sebahagian besar dari jumlah tunggakan tersebut merupakan tunggakan oleh sebuah syarikat selepas pertikaian mengenai nilai yang dibuat oleh pihak MDHT diselesaikan melalui perintah Mahkamah tinggi pada November 2017. Manakala enam (6)

PBT mempunyai tunggakan cukai taksiran berbanding pendapatan kurang daripada 50% di mana perbandingan tunggakan cukai taksiran berbanding pendapatan bagi MDS adalah yang paling rendah iaitu 5.3%.

6.6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

6.6.1. Rumusan keseluruhan bagi penyerahan, pengesahan dan pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri adalah memuaskan di mana:

- i. setakat 31 Julai 2018, sebanyak 13 Agensi Negeri telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2017 untuk diaudit dalam tempoh ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 April 2018; dan
- ii. sebanyak 14 agensi telah membentangkan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 di Dewan Undangan Negeri.

6.6.2. Kedudukan kewangan Badan Berkanun Negeri bagi tahun 2017 adalah berdasarkan prestasi lapan (8) BBN adalah kurang memuaskan seperti berikut:

- i. surplus pendapatan terkumpul menurun sejumlah RM58.88 juta atau 1.8%;
- ii. aset semasa bersih menurun sejumlah RM223.52 juta atau 20%; dan
- iii. jumlah liabiliti mencatatkan peningkatan sejumlah RM94.10 juta atau 15.9%.

6.6.3. Kedudukan kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2017 adalah berdasarkan prestasi tujuh (7) PBT adalah memuaskan seperti berikut:

- i. jumlah Aset meningkat sejumlah RM21.69 juta atau 3.3%;
- ii. aset Semasa Bersih meningkat kepada RM79.51 juta atau 2.7%;
- iii. surplus tahun semasa berkurang RM41.99 juta atau 98.7%; dan
- iv. tunggakan Cukai Taksiran meningkat kepada RM82.25 juta atau 8.2%.

6.6.4. Untuk memastikan prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri bertambah kukuh, Badan Berkanun Negeri adalah disyorkan mengambil langkah seperti berikut:

- i. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan/Pengarah Badan Berkanun Negeri perlu bertindak proaktif dan tegas dalam melaksanakan program dan aktiviti Agensi yang dapat menjana pendapatan Badan Berkanun Negeri dan mencapai matlamat pembangunan Negeri Terengganu; dan

- ii. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan/Pengarah Badan Berkanun Negeri perlu mengambil tindakan tegas terhadap tunggakan hutang daripada penghutang Badan Berkanun Negeri supaya dapat mengukuhkan kedudukan tunai untuk menjalankan operasi dengan lebih lancar.

6.6.5. Untuk memastikan pengurusan Penyata Kewangan serta prestasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ditambah baik adalah disyorkan:

- i. PBT hendaklah mengambil langkah yang lebih berkesan serta proaktif dan inovatif untuk mengurangkan tunggakan cukai taksiran; dan
- ii. PBT yang mengalami defisit dan mempunyai aset semasa bersih yang negatif perlu mempertingkatkan prestasi kewangannya supaya pendapatan yang diperoleh dapat menampung perbelanjaan mengurus.

BAHAGIAN V
PEMBENTANGAN LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA DAN
MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG AWAM
NEGERI

BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

7. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI; DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2016 Siri 1 dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 11 Disember 2017. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2016 Siri 2 dan mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Terengganu Tahun 2016 telah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 3 Julai 2018.

8. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI


Pada tahun 2017 dan sehingga 31 Julai 2018, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri (Jawatankuasa) telah membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Negeri Terengganu Tahun 2015 Siri 1 dan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Negeri Terengganu Tahun 2015 Siri 2 dan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015. Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat sebanyak tiga (3) kali pada tahun 2017, untuk membincangkan isu-isu yang berbangkit dalam Laporan tersebut dan perkara-perkara lain yang di bawah bidang kuasa Jawatankuasa. Bagi tahun 2018, sehingga 31 Julai 2018 Jawatankuasa belum lagi mengadakan mesyuarat. Butiran ringkas perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa sepanjang tahun 2017 adalah seperti **Jadual 8.1**.

JADUAL 8.1
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG
AWAM NEGERI TERENGGANU SEPANJANG TAHUN 2017

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	PERKARA
1.	28 Februari 2017		Membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Negeri Terengganu Tahun 2015 (Siri 1)
		i. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu ii. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu	Sesi pendengaran/penjelasan mengenai "Keadaan Surau Tidak Kondusif di Sekolah Menengah Agama Negeri" – Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 3

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	PERKARA
2.	1 Jun 2017		Membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Negeri Terengganu Tahun 2015 Siri 2 dan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015.
		Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu	Sesi pendengaran/penjelasan mengenai "Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri (Peruntukan MARRIS) – Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 1
		Yayasan Terengganu	i. Sesi pendengaran/penjelasan mengenai "Pengurusan Perolehan" – Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 1 ii. Sesi pendengaran/penjelasan mengenai pencapaian dalam pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti – Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 1
		Pejabat Daerah Marang	Sesi pendengaran/penjelasan mengenai pencapaian dalam pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti – Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 1
3.	3 Oktober 2017	i. GPQ Sdn. Bhd. ii. Jabatan Bekalan Air Negeri iii. Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu iv. TATI University College Sdn. Bhd. v. Jabatan Pengairan dan Saliran	Sesi pendengaran/penjelasan mengenai isu-isu yang belum selesai dalam <i>Auditor's General Dashboard</i> .

Sumber: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Terengganu



PENUTUP

PENUTUP

